05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PERBANDINGAN TERJEMAHAN METAFORA ANTARA *MERPATI PUTIH TERBANG LAGI* DAN *RANG BAI GE ZAI CI FEI XIANG*

NUR AKMAL BINTI OTHMAN

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA LINGUISTIK

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Nur Akmal binti Othman (No. K.P/Pasport: 900416-02-5070)

No. Matrik: TGC140024

Nama Ijazah: Sarjana Linguistik

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan~~/Disertasi/~~Tesis~~ ("Hasil Kerja ini"):

Perbandingan Terjemahan Metafora antara *Merpati Putih Terbang Lagi* dan *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang*

Bidang Penyelidikan: Terjemahan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh: 13/08/2020

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh: 13/08/2020

Nama: Dr. Soh Bee Kwee
Jawatan: Pensyarah Kanan/ Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PERBANDINGAN TERJEMAHAN METAFORA ANTARA *MERPATI PUTIH TERBANG LAGI* DAN *RANG BAI GE ZAI CI FEI XIANG*

ABSTRAK

Metafora merupakan bahasa figuratif yang sering kali digunakan dalam karya-karya sastera. Penggunaan metafora menjadikan sesuatu karya itu sukar untuk diterjemahkan, sesuai dengan kenyataan Newmark (1981) yang menyatakan bahawa terjemahan metafora merupakan satu permasalahan utama dalam bidang penterjemahan. Sehubungan itu, analisis terjemahan metafora daripada bahasa Melayu (BM) ke bahasa Cina (BC) dalam karya *Merpati Putih Terbang Lagi* oleh Khadijah Hashim dan terjemahannya, iaitu *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang(让白鸽再次飞翔)* akan dijalankan. Dalam kajian ini, pendekatan penterjemahan Newmark (1981) digunakan bagi meneliti strategi terjemahan metafora, manakala kerangka kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) pula digunakan bagi menentukan medan sumber metafora BM dan BC. Akhir sekali, perubahan medan sumber antara BM ke BC dikenal pasti. Berdasarkan analisis, strategi yang paling kerap digunakan ialah strategi terjemahan kepada pengertian semata-mata. Sebanyak 74% terjemahan metafora yang menggunakan imej yang lain mengalami perubahan medan sumber, iaitu apabila metafora daripada medan sumber manusia berubah kepada medan sumber alam dan sebaliknya, seterusnya perubahan juga berlaku apabila pecahan medan sumber tidak diterjemahkan ke dalam pecahan yang sama dalam teks sasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

COMPARATIVE STUDY OF METAPHOR TRANSLATION BETWEEN *MERPATI PUTIH TERBANG LAGI* AND *RANG BAI GE ZAI CI FEI XIANG*

ABSTRACT

Metaphor is one of the elements of figurative language which is often used in literary work. The use of metaphorical expression intensifies the difficulty to translate particular literary work, in line with Newmark's statement (1981) that metaphor is a major problem in translation field. Therefore, study of metaphor translation from Malay Language (BM) to Chinese Language (BC) between *Merpati Putih Terbang Lagi* and its translation *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang (让白鸽再次飞翔)* will be carried out. In this study, Newmark's (1981) translation approaches are used to study metaphorical translation strategies, while Sakina Sahuri Suffian Sahuri's (2000) framework is used to determine the BM and BC metaphorical source field. Finally, the change in metaphorical source field between BM and BC will be identified. Based on the analysis, the most commonly used strategy is converting the metaphor into sense. Besides that, 74% of the metaphorical translations which have used other images experienced a change in the source field. The changes occur when metaphor from human source field is translated into nature source field and vice versa, also, changes occur when the sub-type of a source field is not translated into the same sub-type in the target text.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kasih sayangnya-Nya, saya diberikan kekuatan, ketabahan dan semangat yang berterusan untuk menyiapkan disertasi ini.

Jutaan penghargaan ditujukan kepada penyelia-penyelia saya iaitu Dr. Soh Bee Kwee dan Dr. Sakina Sahuri Suffian Sahuri kerana tidak jemu memberikan tunjuk ajar, motivasi serta bimbingan yang berterusan sepanjang pengajian saya ini.

Tidak dilupakan keluarga saya, terutamanya ibu bapa, suami, adik-beradik, anak-anak yang sentiasa memberi sokongan dan dokongan, juga sahabat-sahabat di Pusat Bahasa dan Pengajian Umum UPSI yang turut memberikan bantuan dan bimbingan bagi membantu saya menamat pengajian.

Terima kasih buat kalian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ISI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan ii

Abstrak iii

Abstract iv

Penghargaan v

Isi Kandungan vi

Senarai Jadual x

Senarai Rajah xi

Senarai Singkatan Kata xii

Senarai Lampiran xiii

BAB 1: PENDAHULUAN 1

1.1 Pengenalan 1

1.2 Pernyataan Masalah 4

1.3 Objektif dan Soalan Kajian 6

1.4 Batasan Kajian 7

1.5 Kepentingan Kajian 7

1.6 Pengenalan Bahasa yang Dikaji 8

1.6.1 Bahasa Melayu 8

1.6.2 Bahasa Cina 10

1.7 Kesimpulan 11

BAB 2: SOROTAN LITERATUR 12

2.1 Pendahuluan 12

2.2 Definisi Metafora 12

2.2.1 Definisi Metafora Secara Umum 13

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Definisi Metafora Mengikut Sarjana 14

2.3 Struktur Asas Metafora 16

2.4 Klasifikasi Metafora 19

2.4.1 Taksonomi Newmark 19

2.4.2 Taksonomi Ullmann 20

2.4.3 Taksonomi Larson 21

2.4.4 Taksonomi Lakoff dan Johnson 21

2.5 Pengenalpastian Metafora 23

2.6 Penterjemahan Metafora 26

2.6.1 Strategi Newmark (1981) 26

2.6.2 Strategi Larson (1984) 29

2.6.3 Perbandingan Antara Strategi Newmark dan Larson 30

2.7 Semantik 32

2.7.1 Teori Medan Semantik 35

2.7.2 Hubungan Antara Leksikal 36

2.7.3 Kerangka Kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) 37

2.8 Kajian-kajian Lepas 41

2.8.1 Kajian Metafora 41

2.8.2 Kajian Terjemahan 43

2.8.3 Kajian Luar Negara 47

2.9 Kesimpulan 49

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN 50

3.1 Pendahuluan 50

3.2 Bahan Kajian 50

3.2.1 Sinopsis *Merpati Putih Terbang Lagi* 51

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2 Latar Belakang Penulis 52

3.2.3 Latar Belakang Penterjemah 53

3.3 Bahan Rujukan 53

3.4 Semakan 54

3.5 Reka Bentuk Kajian 55

3.6 Prosidur Kajian 56

3.7 Proses Pengumpulan Data 58

3.8 Proses Analisis Data 62

3.9 Kesimpulan 65

BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN 66

4.1 Pendahuluan 66

4.2 Data kajian Secara Keseluruhan 66

4.3 Strategi Terjemahan Metafora 67

4.3.1 Strategi Menterjemah Metafora kepada Pengertian Semata-mata (S5) ... 69

4.3.2 Strategi Mengekalkan Metafora dengan Menggunakan Imej Lain (S2) 70

4.3.3 Strategi Pengguguran Metafora (S6) 76

4.3.4 Strategi Mengekalkan Metafora dengan Menggunakan Imej Sama (S1) 78

4.3.5 Strategi Menggantikan Metafora dengan Perumpamaan dengan Menggunakan Imej Sama (S3) 79

4.3.6 Strategi Menggantikan Metafora dengan Perumpamaan dengan Menggunakan Imej Lain (S4) 81

4.3.7 Strategi Mengekalkan Metafora dan Disertakan dengan Pengertian (S7) 83

4.4 Analisis Medan Sumber Metafora 83

4.4.1 Medan Sumber Metafora BM 86

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1.1 Manusia sebagai Medan Sumber 87

4.4.1.2 Alam sebagai Medan Sumber 93

4.4.2 Medan Sumber Metafora BC 98

4.4.2.1 Manusia sebagai Medan Sumber 99

4.4.2.2 Alam sebagai Medan Sumber 108

4.4.3 Perubahan Medan Sumber Metafora daripada BM ke BC 113

4.5 Kesimpulan 115

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN 116

5.1 Pendahuluan 116

5.2 Kesimpulan Kajian 116

5.2.1 Persoalan Kajian 1 117

5.2.2 Persoalan Kajian 2 120

5.3 Impak Kajian 124

5.4 Cadangan Kajian 126

5.5 Penutup 126

Bibliografi 127

Lampiran 134

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Senarai Karya Terjemahan Sastera BM ke BC yang Diterbitkan di China ... 3

Jadual 2.1: Perbandingan Struktur Metafora oleh Beberapa Sarjana ... 19

Jadual 2.2: Perbandingan antara Strategi Newmark dan Larson ... 31

Jadual 3.1: Latar Belakang Perujuk BM ... 54

Jadual 3.2: Latar Belakang Perujuk BC ... 55

Jadual 3.3: Proses Pengumpulan Data ... 60

Jadual 3.4: Peratusan Terjemahan Metafora ... 62

Jadual 3.5: Pengklasifikasian Strategi Terjemahan Metafora ... 63

Jadual 3.6: Perubahan Medan Sumber Metafora BM kepada BC ... 65

Jadual 4.1: Pecahan Strategi Terjemahan Metafora ... 68

Jadual 4.2: Senarai Data Terjemahan kepada *Chengyu* ... 73

Jadual 4.3: Pecahan Perubahan Terjemahan Metafora ... 113

Jadual 4.4: Perubahan Medan Sumber Metafora ... 114

Jadual 5.1: Peratusan Strategi Terjemahan Metafora ... 117

Jadual 5.2: Peratusan Terjemahan Medan Manusia kepada Medan Alam ... 121

Jadual 5.3: Peratusan Terjemahan Medan Alam kepada Medan Manusia ... 122

Jadual 5.4: Peratusan Terjemahan Medan Manusia kepada Medan Manusia ... 123

Jadual 5.5: Peratusan Terjemahan Medan Alam kepada Medan Alam ... 124

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Kawasan Penutur Austronesia 9

Rajah 2.1: *Tenor* dan *Vehicle* 17

Rajah 2.2: Segi Tiga Semantik (*Semantic Triangle*) 33

Rajah 2.3: Pengertian Makna Bloomfield 34

Rajah 2.4: Rajah Tidak Lengkap Pecahan Tubuh Badan 37

Rajah 2.: Kerangka Medan Sumber Metafora Sakina Sahuri Suffian Sahuri 41

Rajah 3.1: Kerangka Medan Sumber Metafora Kajian Semasa 57

Rajah 3.2: Carta Alir Prosedur Kajian 58

Rajah 3.3: Prosedur Identifikasi Metafora (MIP) 61

Rajah 3.4: Pengklasifikasian Medan Sumber Metafora BM dan BC 64

Rajah 4.1: Pecahan Terjemahan Metafora 67

Rajah 4.2: Pecahan Medan Sumber Metafora BM 84

Rajah 4.3: Pecahan Medan Sumber Metafora BC 84

Rajah 4.4: Pecahan Penuh Medan Sumber Metafora BM dan BC 85

Rajah 4.5: Medan Sumber Metafora BM 86

Rajah 4.6: Rumusan Medan Sumber Manusia Metafora BM 93

Rajah 4.7: Rumusan Medan Sumber Alam Metafora BM 98

Rajah 4.8: Medan Sumber Metafora BC 99

Rajah 4.9: Rumusan Medan Sumber Manusia Metafora BC 107

Rajah 4.10: Rumusan Medan Sumber Alam Metafora BC 112

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN KATA

BM	Bahasa Melayu
BC	Bahasa Cina
A	Teks Sumber
T	Teks Terjemahan
B	Bab
M	Muka Surat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Sumber Data 134

Lampiran B: Sumber Rujukan 135

Lampiran C: Data Strategi Terjemahan Metafora 136

Lampiran D: 33 Data Soalan Kajian Kedua 169

Lampiran E: Data Perubahan Medan Terjemahan Metafora 176

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penterjemahan merupakan satu cabang ilmu yang sering menjadi bahan kajian para sarjana sejak sekian lamanya. Penterjemahan juga mempunyai peranan yang sangat dominan dalam perkembangan tamadun dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana, manusia dari latar belakang berbeza lazimnya berkomunikasi dan bertukar ilmu pengetahuan melalui aktiviti penterjemahan. Berdasarkan itu, apakah itu takrifan penterjemahan? House (2009) menyatakan terjemahan merupakan satu proses penggantian teks asal kepada teks yang lain, manakala Puteri Roslina Abdul Wahid (2012) pula mentakrifkan "penterjemahan ialah aktiviti mentafsir sesuatu teks dan menghasilkan teks itu semula dalam bahasa lain" (ms. 1), senada dengan Catford (1965) yang menyatakan bahawa penterjemahan ialah satu usaha pengalihan maklumat daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Seterusnya, dalam karya Bell (1991) menyebut bahawa terjemahan ialah satu pernyataan dalam bahasa lain mengenai maklumat daripada bahasa lain dengan mengekalkan persamaan dari segi semantik dan stilistik. Nida (1969) pula menyatakan terjemahan merupakan satu proses penyalinan semula maklumat daripada bahasa asal kepada bahasa penerima maklumat dalam bentuk yang terdekat dan bersahaja dari segi makna dan gaya. Selain daripada itu, terjemahan menurut Asmah Haji Omar (2008) merupakan pemindahan sistem semiotik. Sehubungan dengan itu, proses menterjemahkan sesuatu karya bukan sahaja bertujuan menggantikan struktur bahasa sumber ke bahasa sasaran, tetapi juga mengalihkan maklumat dari satu sistem semiotik ke sistem semiotik yang lain. Berdasarkan definisi-definisi yang diutarakan, hampir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesemua sarjana bersetuju bahawa makna perlu dikekalkan namun tidak semua yang menekankan bahawa gaya bahasa perlu dikekalkan.

Kegiatan penterjemahan bahasa Inggeris-bahasa Melayu di Malaysia mula tersebar luas apabila Semenanjung Tanah Melayu dijajah oleh British, iaitu dengan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874. Pada saat itu, kerajaan penjajah berniat menyebarkan ideologi mereka melalui terjemahan dan penyebaran buku cerita. Manakala pada awal 1930-an, aktiviti terjemahan pula banyak tertumpu pada terjemahan bahasa Arab-bahasa Melayu melalui mushaf agama seperti buku yang berkaitan tauhid, usuludin, fekah dan tasauf (Norizah Ardi et al, 2009). Seterusnya, terjemahan melibatkan bahasa Melayu (BM) ke bahasa Cina (BC) pula muncul agak lewat di Malaysia berbanding dengan terjemahan lain. Hal ini dibuktikan menerusi pernyataan Goh (2015) bahawa kegiatan menterjemah BM-BC hanya bermula pada tahun 1985. Tambahan lagi, terjemahan BM-BC dimulai dengan terjemahan karya sastera. Rentetan daripada itu, 7 buah buku sastera Melayu daripada genre yang berlainan telah berjaya diterjemahkan ke dalam BC dan diterbitkan di China.

Pada tahun 1985, novel A. Samad Said yang tersohor iaitu *Salina* telah menjadi karya sastera BM pertama yang diterjemahkan dan diterbitkan ke dalam BC. Setelah itu semakin banyak karya BM telah mula diterjemahkan ke dalam BC (Goh, 2015). Selain daripada itu, sebuah badan bukan kerajaan, Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF) merupakan sebuah badan yang giat menjalankan penterjemahan BC-BM-BC. Sehingga kini persatuan ini telah berjaya menghasilkan lebih 30 buah judul antologi penulisan kreatif dan karya sastera. Antara karya terjemahan yang dikeluarkan oleh persatuan ini ialah *Hikayat Pinggir Air, Hikayat Tiga Negara, Keluarga* dan sebagainya. Melalui usaha-usaha sama ada daripada orang perseorangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mahupun daripada pertubuhan seperti ini, kegiatan penterjemahan dan penulisan kreatif antara BM-BC semakin rancak berkembang.

Jadual 1.1 Senarai karya terjemahan sastera BM ke BC yang diterbitkan di China

Bil.	Tahun	Judul	Genre	Penulis Asal	Penterjemah	Penerbit
1.	1985/ 1991	*Salina*	Novel	A. Samad Said	Yu Yu	Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi
2.	1986	*Antologi Cerpen Indonesia dan Malaysia*	Cerpen	Pelbagai	Wang Shouye	Syarikat Penerbitan Haixia Wenyi
3.	1991	*Bunga Mawar di dalam Pasu*	Cerpen	Pelbagai	Ai Ma et al.	Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi
4.	1993	*Antologi Cerpen Penulis Wanita Malaysia*	Cerpen	Pelbagai	Bai Can, Zheng Shuxuan et al.	Syarikat Penerbitan Xiandai
5.	1999	*Sejarah Melayu*	Novel	Tun Sri Lanang	Huang Yuanhuan	Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi
6.	2001/ 2012	*Cerita Rakyat Malaysia*	Cerita Rakyat	Pelbagai	We Zongyu (penyelenggara)	Syarikat Penerbitan Buku Kanak-kanak Liaoning
7.	2013	*Sejarah Melayu: Terjemahan dan Hasil Kajian*	Teks Klasik	Tun Sri Lanang	Luo Jie, Fu Congcong et al.	Peking Universiity Press

(Goh, 2015)

Jadual di atas menunjukkan butir-butir penerbitan terjemahan karya-karya sastera BM-BC mengikut tahun di China. Berdasarkan jadual selama hampir 20 tahun iaitu 1985 hingga 2013, sebanyak tujuh karya BM telah diterjemahkan ke dalam BC. Walaupun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang terjemahan sudah mendapat perhatian pengamal-pengamal terjemahan tempatan, namun secara keseluruhan bilangan karya BM yang berjaya diterjemahkan ke BC masih terhad dan usaha terjemahan harus terus teguh dilaksanakan demi memperkenalkan dan seterusnya memartabatkan karya BM ke seluruh dunia. Pelbagai rancangan dijalankan dari semasa ke semasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), dan juga pihak-pihak lain. Antara usaha yang telah dibuat ialah perjanjian persefahaman antara ITBM dengan PERSPEKTIF pada tahun 2012 untuk menggalakkan aktiviti terjemahan kedua-dua bahasa dan menembusi pasaran antarabangsa (Sinar Harian, 17 Julai 2012), manakala pada tahun 2016 pula DBP menandatangani perjanjian persefahaman dengan sebuah syarikat penerbitan China, Zhejiang Publishing United Group (BERNAMA, 28 April 2016). Selain daripada itu, terdapat juga bengkel-bengkel seperti Bengkel Terjemahan BC-BM dan juga kursus-kursus penterjemahan yang terus dipergiatkan perlaksanaannya oleh badan-badan berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam kepelbagaian bentuk bahasa, metafora merupakan refleksi budaya masyarakat sesuatu bahasa tersebut yang mempunyai nilai dan kepercayaan terhadap dunia. Nilai dan kepercayaan mampu mempengaruhi persepsi, jangkaan dan andaian penutur terhadap fungsi bahasa dalam komunikasi. Oleh itu, metafora merupakan ekspresi budaya terbaik yang boleh diperhatikan dalam satu-satu komuniti bahasa (Han, 2017). Dalam bidang terjemahan, metafora pada kebiasaannya menjadi fokus utama penterjemah, hal ini bertepatan dengan pernyataan Newmark (1981) iaitu penterjemahan metafora merupakan satu permasalahan utama dalam penterjemahan. Perbezaan-perbezaan yang wujud dalam masyarakat yang bertutur dalam bahasa yang berlainan menyebabkan penterjemahan metafora menjadi sesuatu tugasan yang sukar untuk dilaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Safarnejad, Imran Ho Abdullah & Norsimah Mat Awal, 2017). Di samping itu, Sun (2019) pula menyebut kaedah untuk menjelaskan makna yang mendalam daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran merupakan satu tugasan yang sukar buat penterjemahan. Berdasarkan pada itu, dapat dilihat bahawa metafora boleh menimbulkan kesukaran dalam penterjemahan antara dua bahasa, terutamanya apabila melibatkan bahasa daripada rumpun yang berbeza. Masalah dalam penterjemahan tidak terlalu ketara melibatkan bahasa dan kebudayaan yang mempunyai persamaan seperti bahasa Melayu, bahasa Brunei dan bahasa Indonesia, tetapi apabila bahasa-bahasa yang terlibat adalah daripada rumpun yang berbeza seperti BC dan bahasa Inggeris, maka budayanya yang berbeza akan menyebabkan kesukaran dalam menterjemah (Noraziah Abd Aziz, 2014). Jelaslah bahawa perbezaan antara bahasa-bahasa akan mewujudkan kesukaran kepada penterjemahan dalam usaha menghasilkan terjemahan yang tepat dan bermutu tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian mengenai penterjemahan metafora sudah banyak dijalankan namun hasil daripada pembacaan pengkaji, sehingga kini masih tiada kajian yang memberikan perhatian khusus kepada terjemahan metafora daripada BM kepada BC. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia ialah sebuah negara unik dengan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan adat warisan. Tiga etnik utama yang membentuk rakyat Malaysia terdiri daripada Melayu, Cina dan India, manakala empat bahasa utama pula ialah bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil (Lim & Lim, 2017). Oleh sebab itu, BM dan BC mempunyai kedudukan sangat tinggi di Malaysia, selain daripada bahasa Inggeris. BM merupakan bahasa ibunda kaum Melayu dan bahasa kebangsaan Malaysia, manakala BC pula merupakan bahasa ibunda etnik Cina yang mewakili populasi etnik kedua terbesar di Malaysia. Di samping itu, BC ialah salah bahasa utama di dunia dengan populasi penuturnya sebanyak 14% (Perelrsvaig, 2012). Oleh yang demikian, pengkaji terpanggil untuk mengisi ruang lompong kajian bagi bersama-sama menyelesaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

permasalahan ini dan juga sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan penterjemahan antara kedua-dua bahasa ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi membincangkan tentang penterjemahan BM ke BC khususnya dari aspek terjemahan metafora yang ternyata merupakan aspek yang paling sukar dalam bidang terjemahan.

1.3 Objektif dan Soalan Kajian

Secara dasarnya, kajian ini dibangunkan dengan tujuan melihat amalan terjemahan antara BM-BC, namun skop kajian dikecilkan dan difokuskan hanya kepada terjemahan metafora antara kedua-dua bahasa ini. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk menganalisis strategi terjemahan metafora BM-BC daripada karya *Merpati Putih Terbang Lagi* serta terjemahannya *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang*. Selanjutnya, berdasarkan analisis terhadap medan sumber metafora, pengkaji meneliti perubahan medan sumber yang berlaku menerusi analisis terhadap data strategi penterjemahan metafora kepada metafora dengan imej yang lain (S2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menfokuskan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan yang diutarakan seperti berikut, berdasarkan data metafora yang terkumpul daripada bahan kajian yang terpilih, iaitu:

(a) Apakah strategi terjemahan yang diaplikasi dalam menterjemah metafora dari BM ke dalam BC?

Untuk menjawab persoalan ini, metafora yang terkumpul dikategorikan mengikut tujuh strategi seperti yang diutarakan oleh Newmark (1981).

(b) Apakah perubahan medan sumber yang dapat diperhatikan dalam penterjemahan metafora yang menggunakan imej yang berlainan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi soalan kajian ini, data dikecilkan kepada metafora dan terjemahannya ke dalam metafora dengan imej yang berlainan sahaja. Justifikasi pemilihan ini dijelaskan lebih lanjut dalam Bab 3. Daripada data tersebut, medan sumber bagi setiap metafora BM serta terjemahan metafora dalam BC dianalisis berdasarkan kerangka kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000), seterusnya perubahan-perubahan medan sumber akan dikenalpasti berdasarkan hasil analisis medan sumber metafora yang terkumpul.

1.4 Batasan Kajian

Makalah ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang memfokuskan kepada penterjemahan metafora dari BM ke BC. Kajian ini hanya terbatas mengkaji metafora dan terjemahan metafora dari novel Novel *Merpati Putih Terbang Lagi* serta teks terjemahannya dalam BC iaitu *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang* sahaja. Keseluruhan novel yang mempunyai sebanyak 29 bab beserta dengan terjemahannya dalam karya BC diteliti bagi mendapatkan data yang bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian. Selain daripada itu, dalam bidang kajian bahasa terdapat pelbagai definisi metafora, justeru dalam kajian ini pengkaji hanya membataskan pada metafora berdasarkan definisi yang telah ditetapkan. Maklumat dan penjelasan selanjutnya mengenai tatacara kajian dipersembahkan dalam bab 3.

1.5 Kepentingan Kajian

Walaupun usaha ini pada dasarnya berimpak kecil kerana hanya memfokuskan kepada satu karya dan terjemahannya sahaja, tetapi kajian yang dijalankan ini adalah kajian rintis yang dijalankan mengenai terjemahan metafora daripada BM kepada BC. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengharapkan supaya dapatan yang diperoleh mampu menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rujukan kepada pengamal-pengamal terjemahan berkenaan amalan-amalan terjemahan yang dipraktikkan dalam dunia terjemahan semasa terutama yang melibatkan BM dan BC.

Di samping itu, kajian ini juga berupaya menjadi panduan akademik terutamanya dalam bidang terjemahan BM-BC yang masih kurang dijalankan berbanding dengan kajian terjemahan BC-BM. Selain itu, kajian ini juga berkemampuan dalam menyampaikan maklumat yang berguna kepada pengkaji yang berminat untuk meneliti terjemahan BM-BC terutamanya apabila melibatkan aspek terjemahan metafora. Tambahan pula, pelajar-pelajar yang menuntut dalam bidang linguistik juga dapat memperoleh sedikit sebanyak manfaat untuk membantu mereka menjalankan penyelidikan berkaitan dengan bidang ini pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Pengenalan Bahasa yang Dikaji

Kajian ini memfokuskan pada kepada kajian terhadap dua bahasa iaitu BM dan BC. Oleh itu, penerangan mengenai kedua-dua bahasa ini dihuraikan seperti berikut.

1.6.1 Bahasa Melayu (BM)

Bahasa melambangkan bangsa, sehubungan dengan itu sebelum mengetahui asal usul kewujudan bahasa tersebut, kita perlu mendalami asal keturunan penuturnya. Terdapat teori yang menjelaskan bahawa bangsa keturunan Melayu ini berasal daripada kelompok manusia yang tinggal di wilayah Yunnan di China yang dikenali sebagai kelompok Austronesia, mereka seterusnya berhijrah dan berpindah randah sebelum menetap di kawasan Asia Tenggara. Asmah Haji Omar (1985) menyatakan perkataan Austronesia merupakan gabungan dua perkataan bahasa Latin iaitu *austro* dan *nesos*. *Ausro*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermaksud selatan; manakala *nesos* bermaksud pulau. Justeru itu, istilah Austronesia sebenarnya mendukung makna pulau-pulau di bahagian selatan.

Menurut Asmah Haji Omar (2008) juga, bahasa dan kaum penutur merupakan dua komponen yang tidak boleh dipisahkan. Selain itu menurut beliau lagi, bahasa itu mempunyai kawasan pertuturannya yang sama dengan kawasan penghunian penuturnya.



Rajah 1.1 Kawasan Penutur Austronesia

BM merupakan bahasa *lingua franca* yang digunakan di Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei. Namun bagi Indonesia, BM lebih dikenali sebagai bahasa Indonesia. Selain daripada itu, terdapat juga kelompok penduduk di sekitar selatan Thailand, Filipina, Kemboja dan Vietnam yang menggunakan BM sebagai bahasa pertuturan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Bahasa Cina (BC)

Semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu pada abad ke-15, kaum Han merupakan gelombang pertama bangsa Cina yang datang ke Tanah Melayu. Bangsa Han menuturkan Hanyu atau bahasa Mandarin baku yang berasal daripada dialek bahasa penduduk di Beijing. Bahasa ini atau juga dikenali sebagai Putonghua juga merupakan bahasa rasmi yang telah dipilih oleh kerajaan China untuk dijadikan bahasa pengantar utama di seluruh negara China. Di Malaysia, bahasa Mandarin dikenali sebagai Huayu dan yang menjadi bahasa utama kepada etnik Cina. Selain Huayu, mereka juga bertutur dan menggunakan bahasa dialek asal keturunan masing-masing seperti dialek Hokkien, Kantonis, Hakka dan sebagainya. Manakala di Taiwan pula, bahasa ini lebih dikenali sebagai bahasa nasional atau Guoyu.

BC merupakan bahasa dalam kumpulan bahasa Sino-tibetan (Pereltsvaig, 2012). Dari segi bilangan penutur, kumpulan bahasa Sino-Tibetan merupakan merupakan kelompok yang kedua paling ramai dan berada di belakang kumpulan bahasa Indo-European. Mnurut Pereltsvaig (2012) lagi, penutur BC bersamaan dengan 14% daripada populasi di dunia, dan merupakan bahasa yang paling ramai penutur di dunia. Sementara itu, 92% daripada penutur BC adalah berasal dari negara China. Seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara China yang pesat berkembang dan hampir menyaingi Amerika Syarikat sebagai kuasa ekonomi dunia, pembelajaran BC turut menjadi satu satu trend global yang berkembang dengan pantas. Sehubungan dengan itu, bilangan penutur BC turut bertambah dari semasa ke semasa. Perkembangan ini boleh disamakan dengan situasi pada awal abad ke-19 yang menjadi era perkembangan bahasa Inggeris pada ketika itu. Namun begitu, faktor utama perkembangan kedua-dua bahasa ini adalah berbeza, bahasa Inggeris disebabkan faktor penjajahan British terhadap negara lain seperti di India,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nigeria dan sebagainya, sebaliknya perkembangan BC pula adalah disebabkan oleh nilai ekonomi kerajaan China. (Hafner, Jaret, Liptak, & Rai, 2006)

1.7 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan sedikit sebanyak berkaitan dengan kajian yang akan dibangunkan dalam disertasi ini, bermula dari pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan-soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan sebagainya. Pada bab seterusnya, pengkaji akan membuat sorotan penyelidikan lepas yang berkaitan dengan metafora dan penterjemahan metafora, semantik serta topik-topik yang bersangkutan dengan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu perbincangan mengenai metafora, terjemahan dan semantik serta kajian-kajian berkaitan. Pertamanya, pengkaji menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai definisi metafora, fungsi-fungsi metafora, klasifikasi metafora seperti yang telah dibincangkan oleh para sarjana yang lepas. Seterusnya, pengkaji juga membincangkan mengenai teori-teori penterjemahan metafora serta persamaan dan perbezaan teori tersebut. Selanjutnya, perbincangan berkenaan bidang semantik dihuraikan dari sudut teori medan semantik dan hubungan leksikal. Akhir sekali, pengkaji juga mempersembahkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana dan pengkaji sama ada dari dalam atau luar negara.

2.2 Definisi Metafora

Metafora merupakan satu alat linguistik yang wujud dalam bahasa-bahasa di dunia. Kajian mengenai metafora bukanlah sesuatu yang baru malahan telah bermula seawal zaman Aristotle (384-322BC) dan berterusan sehingga kini. Persoalan mengenai 'Apakah itu metafora?' bukanlah sesuatu yang mudah untuk dijawab. Metafora kerap kali ditafsirkan sebagai menggantikan perkataan dengan perkataan yang berbeza maknanya, membandingkan satu idea dengan idea yang lain. Metafora mempunyai komponen retorik yang didefinisikan sebagai ungkapan-ungkapan dengan makna yang tidak dapat difahami melalui perkataan-perkataan yang membentuknya atau aturan-aturan tatabahasanya. Terdapat berbagai-bagai bahasa kiasan yang seringkali digunakan, metafora merupakan jenis bahasa kiasan yang mengaitkan sesuatu unsur dengan unsur yang lain, manakala bentuk-bentuk bahasa kiasan lain ialah alegori, metonimi, perbandingan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perumpamaan, epos, sinekdoki, personifikasi dan perumpamaan (A. Rahim Abdullah, 1993).

2.2.1 Definisi Metafora Secara Umum

Metafora mempunyai takrifan yang berbeza-beza. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), metafora merupakan pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (dijadikan sebagai perbandingan ataupun kiasan). Memetaforakan menjadikan pemakaian kata atau kata-kata sebagai metafora. Seiring dengan definisi yang diberikan oleh *Cambridge Advanced Learner's Dictionary & Thesaurus*; *"A figure of speech in which a word or phrase is applied to an object or action to which it is not literally applicable"*. Dalam *Oxford English Dictionary* (2002) menyatakan *"a metaphor is described as a figure of speech in which a name or descriptive phrase is transferred to an object or an action different from bu analogous to that to which it is literally applicable."* Menurut *Collins Cobuild Dictionary Online* (2019) pula menyatakan *"A metaphor is an imaginative way of describing something by referring to something else which is the same in a particular way. For example, if you want to say that someone is very shy and frightened of things, you might say that they are a mouse."* Berdasarkan definisi-definisi yang disertakan ini, disimpulkan metafora merupakan bahasa kiasan atau *figure of speech* yang melibatkan satu proses 'pemindahan makna' daripada sesuatu perkataan kepada perkataan lain yang mempunyai bentuk-bentuk yang akrab atau hampir sama. Seperti contoh yang diberikan oleh *Collins Cobuild Dictionary Online*, makna 'tikus' dipindahkan kepada 'seseorang' yang mempunyai persamaan atau ciri-ciri seperti tikus iaitu pemalu dan penakut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Definisi Metafora Mengikut Sarjana

Dari segi etimologi, perkataan metafora berasal daripada bahasa Greek 'metapherein' yang membawa maksud 'memindahkan' (Hawkes, 1972). Definisi terawal metafora dinyatakan oleh Aristotle yang terdapat dalam *Poetics* karya Richards (1936) iaitu 'perubahan daripada satu perkataan daripada penggunaan asal kepada penggunaan baru'. Kata kunci definisi Aristotle ialah 'transference' dan 'analogy', tujuan utama pemakaian kedua-dua perkataan ini ialah bagi mendapatkan makna baru yang lebih baru, meluas, istimewa dan lebih jitu. (Hawkes, 1972). Aristotle merupakan sarjana yang yang mempunyai pengaruhnya dalam kajian metafora, hal ini dinyatakan oleh Ortony (1993) bahawa kajian-kajian mengenai metafora mempunyai persamaan dengan kajian dan pemikiran yang dibawakan oleh Aristotle.

Selain daripada itu, Newmark (1988) pula menyatakan metafora ialah satu ekspresi berbentuk figuratif. Menurut beliau,

> "*Any figurative expression: The transferred sense of a physical word; the personification of and abstraction; the application of a word or collocation to what it does not literally denote. Metaphors may be 'single' (one-word) or 'extended' (a collocation idiom, a sentence, a proverb, an allegory, acomplete imaginative text*)"
>
> (Newmark, 1988).

Maksudnya di sini ialah metafora memindahkan makna perkataan yang bukan makna denotasinya kepada bentuk yang lebih puitis dan abstrak. Metafora juga kemungkinan satu perkataan dan tidak hanya kombinasi dua perkataan sahaja. Ritchie (2013) pula mendefinisikan metafora sebagai 'melihat, mengalami atau bercakap tentang sesuatu dengan menggunakan sesuatu yang lain'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Lakoff dan Johnson (1980) telah membuat satu revolusi dalam bidang linguistik kognitif. Ramai penyelidik telah mengikuti jejak langkah mereka dengan meneliti ke arah yang sama. Mereka mempercayai bahawa metafora adalah asas pemikiran. Lakoff dan Johnson menyatakan pendirian mereka iaitu, metafora biasanya dilihat sebagai ciri-ciri bahasa sahaja. Sebaliknya, metafora itu tanpa disedari telah digunakan dengan meluas, bukan sahaja dalam penggunaan bahasa tetapi juga hampir pasti wujud dalam setiap pemikiran dan tindak-tanduk kita sehari-hari.

Definisi metafora oleh sarjana-sarjana lain ialah Keris Mas (1990) yang menjelaskan bahawa metafora merupakan satu cara perbandingan atau kiasan yang tidak mempunyai ikataan dengan makna dua lapis, pada masa sama juga tidak memerlukan pernyataan sesuatu perkara yang digunakan sebagai bandingan. Contoh yang dinyatakan ialah, ada sekuntum cempaka di pejabatmu, makna 'cempaka' di sini merujuk kepada seorang gadis yang cantik manis. Menurut Asmah Haji Omar (1996), metafora sebenarnya tidak dihadkan kepada bunga-bunga bahasa atau penggunaan bahasa yang indah tetapi lebih daripada itu. Metafora sebenarnya merujuk kepada sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan sesuatu masyarakat terebut. Pendapat ini hampir sama dengan konsep yang digagaskan oleh Lakoff dan Johnson (1980).

Berdasarkan gagasan dan definisi daripada sarjana terdahulu, dapat disimpulkan di sini bahawa definisi yang diutarakan berbeza-beza mengikut perspektif masing-masing namun masih menjurus kepada satu skop kajian yang menjurus kepada konsep yang sama. Metafora yang boleh disimpulkan seperti di bawah:

> "Metafora merupakan satu ekspresi figuratif digunakan dalam setiap bahasa sebagai perbandingan. Metafora melibatkan satu proses pemindahan makna bukan denotasi kepada yang lebih abstrak. Metafora bukan sahaja terbatas kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bunga-bunga bahasa tetapi merupakan asas pemikiran dan sistem konseptual sesuatu bahasa terhadap budaya dan kepercayaan sesuatu bangsa."

2.3 Struktur Asas Metafora

Larson (1988) menggariskan tiga elemen utama mengenai metafora. Yang pertama ialah 'topik' *(topic)* yang merujuk kepada benda yang dibanding. Kedua, 'imej' *(image)* iaitu objek yang dibandingkan dengan 'topik' dan yang terakhir sekali ialah 'titik persamaan' *(point of similarity)* yang merujuk kepada persamaan ciri-ciri topik dan imej. Dalam perkataan lain, proses ini ialah proses membandingkan dua objek yang berlainan dan memahami persamaan makna di antara kedua-duanya. Newmark (1981) telah mencadangkan beberapa istilah dalam binaan metafora. Yang pertama ialah 'objek' iaitu benda yang dihuraikan oleh metafora tersebut. Istilah kedua ialah 'imej' yang merupakan benda yang menjadi saluran bagi penghuraian objek. Istilah ketiga ialah 'pengertian' Richards (1936) mengesyorkan istilah '*tenor*' untuk merujuk kepada subjek metafora dan '*vehicle*' pula berperanan untuk menyampaikan atau menyatakan kualiti '*tenor*' tadi. *'Vehicle'* lazimnya tergolong dalam bidang yang sangat berbeza dan bercanggah daripada *'tenor'*.

Richards menerangkan bahawa:


> *"The co-presence of the vehicle and tenor results in a meaning... which is not attainable without their interaction. That vehicle is not normally a mere embellishment of a tenor which is otherwise unchanged by it but the vehicle and tenor in co-operation give a meaning of more varied powers than can be ascribed to either."*
>
> (Richards, 1967)

Berdasarkan pernyataan tersebut, perbezaan asas pengalaman akan menghasilkan makna metafora yang berbeza, sejajar dengan pendapat Hawkes (1972) bahawa pemakaian metafora dalam bahasa membantu kita memahami sesuatu konsep yang baru berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ilmu atau pengalaman yang sedia ada. Berikut dalam Rajah 2.1 menerangkan *tenor* dan *vehicle:*



Rajah 2.1: *Tenor* dan *Vehicle* (Richard, 1936)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan *tenor* dan *vehicle* ini seterusnya telah digunakan oleh Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000). Beliau merujuk *vehicle* sebagai medan sumber dan *tenor* sebagai medan sasaran. Asas dapatan Sakina Sahuri Suffian Sahuri ini berdasarkan teori Hatch dan Brown (1995) yang menyatakan komponen sumber merupakan sesuatu yang konkrit manakala komponen sasaran pula lebih abstrak. Komponen sumber berfungsi menerangkan komponen sasaran. Gandingan keduanya menghasilkan kesan yang memeranjatkan kerana lazimnya tidak berkolokasi bersama.

Selanjutnya, Lakoff dan Johnson (1980) mengaplikasikan frasa *source domain* untuk *tenor* dan *target domain* untuk *vehicle*. Menurut Lakoff & Johnson (1980), metafora merupakan proses kognitif yang membenarkan satu *domain* 'pengalaman' iaitu *defined domain* atau nama lainnya domain sumber (*source domain*). Contoh metafora

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ARGUMENT IS WAR yang dikemukakan oleh Lakoff dan Johnson membawa maksud *argument* (pertengkaran) itu diumpamakan seperti peperangan yang mana satu-satu pihak bersungguh-sungguh memenangi pertengkaran tersebut. *Source Domain* dalam metafora tersebut adalah *Argument* dan *War* merupakan *Target Domain.* Lakoff dan Johnson (1980) memberikan saranan seperti berikut:

> *"The essence of metaphor is understanding and experiencing one kind of thing in terms of another; In actuality we feel that no metaphor can ever be comprehended or even adequately represented independently of its experiential basis."*
>
> (Lakoff & Johnson, 1980)

Sarjana ini menjelaskan bahawa asas pengalaman merupakan satu unsur yang penting dalam proses memahami makna metafora. Melalui penjelasan yang dikemukakan tadi, dapat difahami bahawa metafora lahir daripada satu aktiviti perbandingan atau analogi di mana sebahagian daripada ciri-ciri semantik yang wujud di antara dua unsur yang dibandingkan itu dikongsi oleh kedua-duanya.

Berdasarkan pada itu, adalah penting untuk pengkaji mengenal pasti komponen yang membentuk metafora untuk memudahkan interpretasi ayat bermetafora. Secara ringkasnya, bentuk ayat bermetafora dapat diringkaskan menjadi `A ialah B`. Untuk memudahkan pemahaman, pada asasnya metafora mengandungi dua komponen utama yang pengkaji namakan sebagai yang dibanding dan yang kena banding.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1 Perbandingan Struktur Metafora oleh Beberapa Sarjana

Ahli sarjana	Yang dibanding	Yang kena banding
Richard (1936)	*tenor*	*Vehicle*
Lakoff and Johnson (1980)	*Source domain*	*Target domain*
Newmark (1981)	*topic*	*Image*
Larson (1988)	*object*	*Image*
Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000)	medan sasaran	medan sumber

Jadual 2.1 di atas telah menjelaskan komponen yang dibanding dan komponen yang kena banding berdasarkan lima sarjana dan pengkaji dahulu. Struktur-struktur ini menjadi panduan bagi pengkaji dalam menentukan metafora yang terlibat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Klasifikasi Metafora

Pelbagai kajian telah dijalankan oleh para sarjana bagi memperoleh dan membuktikan sesuatupenemuan baru. Setiap sarjana memberikan klasifikasi yang berbeza bagi metafora mengikut sudut pandangan dan konsep yang berbeza.

2.4.1 Taksonomi Newmark

Newmark membahagikan metafora berdasarkan bentuk penghasilannya dan digolongkan ke dalam lima ciri iaitu beku, klise, umum, baharu dan asal. Pertamanya, (1) Metafora beku ialah metafora yang kebiasaanya hanya satu perkataan dan kekerapan penggunaannya adalah tinggi sehingga sudah menjadi sebati dalam bahasa tersebut. Contoh metafora beku ialah seperti *'head'*, *'foot'*, *'bottom'*, *'arm'*, dan sebagainya. Contoh dalam BM ialah seperti 'kaki bukit'. (2) Metafora klise ialah jenis kumpulan metafora yang samar-samar antara metafora beku dengan metafora umum. Terdapat dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kolokasi yang strereotaip dalam metafora klise, iaitu yang pertama kata sifat metafora dengan kata nama (metafora mudah) contohnya *'filthy lucre'* yang bermaksud wang yang diperoleh cara tidak baik. Kolokasi yang kedua ialah kata kerja metafora dengan kata nama metafora (metafora majmuk) seperti contoh yang diberikan oleh Newmark iaitu '*explore all avenues*' yang membawa maksud mengusahakan semua cara yang ada untuk mengejar impian. Terdapat juga beberapa perkataan yang sering digunakan yakni 'parameter', 'strategi', 'model' sehingga menjadi klise oleh sebab penggunaan yang berlebihan dan penggunaannya di tempat yang tidak sesuai. (3) Metafora umum berbentuk seperti klise tetapi mempunyai unsur budaya, kesejagatan dan lebih bersifat objektif. Seperti contoh 'penyakit' dikaitankan dengan moral, 'tidur' digunakan sebagai maksud rehat atau mati. (4) Metafora baharu merupakan metafora yang baru tercipta apabila tidak terdapat padanan umum yang bersesuaian. Akhir sekali, (5) metafora asli yang merupakan metafora yang direka oleh penulis, kebanyakannya ditemui dalam teks-teks kreatif seperti novel, cerpen dan lain-lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Taksonomi Ullmann

Ullmann (1972) mengkategorikan metafora kepada empat jenis yang utama berdasarkan binaan imej. (i) Metafora antropomorfik (*anthropormic metaphor*); (ii) Metafora haiwan (*animal metaphor*); (iii) Metafora daripada konkrit kepada abstrak (*from concert to abstract*); Metafora sinestesis (*synesthetic metaphor*).

1) Metafora antropomorfik ialah metafora yang menggunakan tubuh badan, kelakuan atau kegemaran manusia kepada haiwan atau objek. Metafora ini biasanya juga dikenali sebagai personifikasi. Contoh seperti 'dedaun melambai-lambai', 'kepala hidangan'

2) Metafora haiwan pula menggunakan tubuh badan, sifat dan kegemaran haiwan dalam penceritaan sesuatu yang lain. Contohnya 'telur mata kerbau' iaitu telur goreng yang jelas putih dan kuningnya, serta 'buaya' yang membawa maksud manusia mata keranjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3) Metafora daripada konkrit kepada abstrak menceritakan sesuatu yang bersifat kontrik menjadi sesuatu yang abstrak. Contoh bagi metafora ini ialah 'kehadirannya menjadi penyeri hidup', 'bintang pelajar' serta 'darah menggelegak menahan marah'.

4) Metafora sinestesis merupakan metafora yang mengalihkan sesuatu pengalaman kepada pengalaman berlainan atau perpindahan sesuatu deria kepada deria berlainan sama ada deria sentuhan, rasa, pendengaran, penglihatan dan sebagainya. Antara metafora dari kategori ini seperti 'dia tersenyum manis', 'pahit getir kehidupan'

2.4.3 Taksonomi Larson

Larson (1984) telah mengklasifikasikan metafora kepada dua kategori sahaja iaitu metafora hidup serta metafora mati. Metafora hidup yang juga dikenali sebagai metafora kreatif ialah jenis metafora yang direka oleh penulis sebagai satu unsur figuratif dalam penulisan. Manakala metafora mati ialah ungkapan idiomatik yang merangkumi simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan dan lain-lain.

2.4.4 Taksonomi Lakoff dan Johnson

Lakoff dan Johnson (1980) pula telah membahagikan metafora berdasarkan konsep. Kategori-kategori yang diutarakan ialah 'metafora berstruktur', 'metafora berarah' dan 'metafora ontologi'.

1) Metafora berstruktur

Metafora berstruktur ialah apabila satu konsep difahami dan diluahkan ke dalam konsep lain yang lebih tepat dan konkrit, seperti contoh *TIME IS MONEY* (masa ialah wang). Di barat, *TIME IS MONEY* ialah satu konsep yang sangat terkenal, bukan sahaja pada ahli linguis tetapi juga dalam perniagaan dan juga kehidupan seharian. Masa ialah satu komoditi yang berharga, yang perlu digunakan dengan bijak supaya tidak mendapat kerugian. Masa dianggap dan digunakan sama seperti wang, iaitu simpan, bayar, guna,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

labur dan sebagainya. Contoh-contoh ayat yang membawa konsep ini seperti *'I don't have the time to give you.'*, *'You're wasting my time.'*, *'I've invested a lot of time in this project.'*, *'How do you spend your time these days?'*, Dalam alam Melayu, masyarakat Melayu juga sangat mementingkan masa, seseorang yang bijak menggunakan masa dianggap sebagai seorang yang berjaya. Terdapat istilah 'masa itu emas' yang juga bertepatan dengan konsep ini, malahan boleh dikatakan lebih tinggi lagi kerana 'emas' mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada 'wang'.

2) Metafora berarah

Metafora ini mengaitkan keadaan alam sekeliling yang menggunakan dimensi ruang dan arah: dalam-luar, atas-bawah, dalam-cetek, hadapan-belakang. Contoh konsep yang sering dikaitkan dengan metafora jenis ini ialah HAPPY IS UP. Rasional konsep ini digunakan adalah disebabkan apabila seseorang berasa gembira dan senang hati, maka motivasi dan semangatnya akan berada pada paras yang tinggi. Konsep ini lahir daripada ekspresi bahasa Inggeris iaitu *'I am feeling up today'*, *'Thinking about him always gives me a lift'*, *'My spirit rose'*.

3) Metafora ontologikal

Metafora ontologikal ialah metafora yang mengkonkritkan atau menjadikan sesuatu yang abstrak. Sebagai contoh, kita melihat inflasi, minda, kemiskinan sebagai satu entiti.

> Contoh 1: Minda sebagai satu entiti – '*My mind just isn't operating today.*'
>
> Contoh 2: Inflasi sebagai satu entiti – *'Inflation erodes our standard of living'*
>
> Contoh 3: Kemiskinan sebagai satu entiti – *'his is not the best way to combat poverty'*

Jenis metafora ontologikal yang paling jelas ialah personifikasi. Personifikasi merupakan sifat manusia yang diberikan kepada bukan manusia bagi membolehkan kita menjelaskan pengalaman sesuatu entiti melalui sudut tingkahlaku, aktiviti-aktiviti, mahupun motivasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia. Contohnya seperti *'Inflation is eating up our profit.'* Keuntungan yang hilang disebabkan inflasi dinyatakan dengan menggunakan ciri manusia yang diberikan kepada inflasi iaitu '*eating up'*.

Bentuk personifikasi seperti yang telah dinyatakan di atas ialah dengan memberikan ciri manusia kepada entiti bukan manusia. Namun dalam sesetengah kes seperti ekspresi berikut: *'The ham sandwich is waiting for his check.'* '*The ham sandwich'* tidak membawa ciri manusia tetapi terus dirujuk kepada manusia. Situasi ini digelar sebagai metonimi. Contoh lain yang lebih jelas ialah seperti berikut:

Ali membeli Preve. (model kereta Proton)

Dia membaca Pa & Ma. (majalah keibubapaan)

Perbincangan di atas adalah untuk membuktikan kepelbagaian jenis metafora yang wujud dalam bahasa-bahasa. Dengan melihat kepada klasifikasi-klasifikasi ini menunjukkan kewujudan metafora dapat dibuktikan dengan pelbagai jenis tatacara mengikut sudut pandangan yang berbeza-beza daripada para sarjana.

2.5 Pengenalpastian Metafora

Dalam menentukan sama ada sesuatu perkataan mahupun ujaran itu merupakan sejenis metafora, garis panduan tatacara pengenalpastian metafora perlu ditetapkan. Cameron & Low (1999) merumuskan lima ciri bagi penetapan metafora, (1) wujud ketidakpadanan antara dua komponen, (2) terdapat potensi berlakunya pemindahan makna antara dua komponen, (3) topik metafora dapat dikesan berdasarkan konteks penggunaaan walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit. (4) Imej yang dipilih difahami oleh penulis dan juga pembaca, (5) Penulis mempunyai niat sesuatu teks tersebut boleh difahami secara metaforikal berdasarkan kewujudan tahap ketidakpadanan yang jelas antara topik dan imej dalam teks tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) telah memberikan garis panduan bagaimana untuk mengenal pasti sesuatu metafora khususnya metafora Melayu. Menurut beliau ciri-ciri yang sekurang-kurangnya perlu ada ialah:

1. Terdiri daripada dua perkara daripada bidang yang berlainan.
2. Satu daripadanya bersifat konkrit dan dikenali sebagai komponen sumber.
3. Yang lagi satu bersifat abstrak dan dikenali sebagai komponen sasaran.
4. Komponen sumber menerangkan komponen sasaran.
5. Gandingan ini meninggalkan kesan yang memeranjatkan kerana secara kelaziman mereka tidak berkolokasi bersama.
6. Gandingan ini menyebabkan aspek sampingan tertentu sumber dipindahkan kepada sasaran.
7. Pemindahan tidak dinyatakan secara eksplisit
8. Kombinasi makna kedua-duanya berbeza daripada makna harfiah kedua-duanya.

(Sakina Sahuri Sufian Sahuri, 2000)

Selain daripada itu, kumpulan Pragglejaz (2007) mengemukakan satu kaedah preskriptif untuk mengenalpasti metafora dalam sesuatu transkrip atau bahan bertulis yang lain. Mereka menjelaskan beberapa tatacara untuk mengenali perkataan atau frasa metafora yang dikenali sebagai Prosidur Identifikasi Metafora atau *Metaphor Identitification Procedure* (MIP). Tatacara MIP adalah seperti berikut:

1. Membaca keseluruhan teks untuk mendapatkan pemahaman umum dalam konteks kehadiran metafora.
2. Menandakan unit leksikal di dalam teks.
3. Tiga pecahan tatacara seterusnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Pada setiap unit leksikal yang ditanda, tentukan makna dalam konteks, iaitu bagaimana makna tersebut diaplikasi terhadap entiti, hubungkait atau attribut pada situasi yang dihasilkan di dalam teks (makna kontekstual). Ambil kira setiap yang hadir sebelum dan selepas leksikal tersebut.

b) Pada setiap leksikal unit, tentukan sama ada terdapat makna asas jika digunakan pada konteks lain selain daripada konteks yang diberikan. Makna asas tersebut kebiasaannya lebih konkrit, lebih jitu, sejarah yang lebih lama dan berkaitan dengan tindakan tubuh.

c) Jika terdapat makna asas yang lain, pastikan sama ada makna asas dan makna kontekstual tersebut mempunyai perbezaan tetapi boleh difahami apabila dibandingkan.

4. Sekiranya jawapan di atas adalah ya, jadi unit leksikal tersebut adalah metafora.

(Pragglejaz Group, 2007)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah-kaedah pengenalpastian metafora ini banyak digunakan oleh pengkaji-pengkaji metafora dalam menentukan kehadiran metafora dalam bahan yang dikaji. Antaranya, tatacara Sakina Sahuri Suffian Sahuri digunakan oleh Suziana Mat Saad (2005) dalam kajian terjemahan metafora BM ke bahasa Perancis. Kajian terjemahan metafora BM kepada bahasa Inggeris oleh Abdul Rahman Mandali dan Hasuria Che Omar (2015) pula memanfaatkan kaedah Cameron and Low, manakala kajian pola terjemahan metafora kesedihan oleh Fatemeh Safarnejad, Imran Ho-Abdullah dan Norsimah Mat Awal (2018) pula memanfaatkan tatacara MIP dalam pengenalpastian metafora. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji merujuk kepada garis panduan Sakina Sahuri Suffian Sahuri dan juga tatacara Pragglejaz Group bagi menentukan ekspresi metaforikal yang terdapat dalam bahan kajian. Justifikasi pemilihan kaedah pengenalpastian ini adalah kerana kaedah yang dinyatakan oleh Sakina Sahuri Suffian Sahuri membantu pengkaji menapis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ayat bermetafora daripada karya yang terpilih, manakala kaedah yang dicadangkan Pragglejaz Group pula memudahkan pengkaji menentukan perkataan yang merupakan metafora daripada ayat bermetafora tersebut.

2.6 Penterjemahan Metafora

Penterjemah menggunakan bahasa kiasan secara meluas dalam hampir semua situasi yang memerlukan mereka berkomunikasi secara efektif. Hal ini disebabkan bahasa kiasan merupakan sumber utama dalam pengekspresian baik dalam kesusasteraan atau komunikasi harian. Oleh sebab itu, penterjemah perlu memberikan perhatian yang utama dalam penterjemahan bahasa kiasan, terutamana pada metafora yang sejak sekian lama menjadi isu yang sering dibahaskan dalam bidang ini. Aspek metafora dalam penterjemahan kerap kali dibincangkan namun perkara yang menjadi pokok persoalannya adalah apakah strategi penterjemahan yang paling sesuai untuk menterjemahkan metafora. Sehingga kini, tidak ramai pengkaji yang membincangkan aspek ini secara menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat ramai sarjana yang mengeluarkan teori terjemahan metafora, antara yang paling popular ialah strategi terjemahan Newmark (1981) dan strategi terjemahan Larson (1984). Teori-teori yang dinyatakan ini kerap kali digunakan dalam kajian-kajian yang dijalankan mengenai terjemahan metafora. Pengkaji membandingkan kedua-dua kaedah ini, dan seterusnya memberikan justifikasi pemilihan strategi yang bakal diaplikasi dalam kajian ini.

2.6.1 Strategi Newmark (1981)

Newmark (1981) telah mengusulkan tujuh strategi untuk penterjemahan metafora. Langkah-langkah yang beliau kemukakan sangat praktikal untuk menangani isu-isu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam penterjemahan metafora. Tujuh prosedur terjemahan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

(1) Metafora dikekalkan. Imej atau rujukan yang sama daripada bahasa sumber digunakan dalam bahasa sasaran. Strategi ini digunakan sekiranya ada pertindihan budaya dalam metafora yang digunakan, kebiasaannya strategi ini lebih kerap digunakan dalam bahasa-bahasa dari rumpun yang sama. Namun begitu, rumpun bahasa yang berbeza juga boleh digunakan sekiranya imej yang digunakan boleh difahami dalam bahasa sasaran. Contoh strategi ini ialah *heart of civilization* diterjemah sebagai 'jantung peradaban'.

(2) Metafora dikekalkan tetapi imej ditukarkan kepada imej lain yang setara atau bersesuaian dalam bahasa sasaran. Apabila metafora tersebut mungkin tidak dapat difahami pembaca dan pada masa sama bahasa sasaran mempunyai metafora lain dengan maksud yang hampir sama. Maka, strategi ini sesuai digunakan. Contoh: "Tersepuk rasa" diterjemah sebagai *crumpled* (ronyok). Hal ini bagi menjelaskan makna perasaan kecewa dan hampa. Contoh ini diambil daripada kajian Abdul Rahman Mandali dan Hasuria Che Omar (2015:247) iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Lebai Debasa crumpled on hearing
Jusoh's reply. He bowed his head. (Ash of Rope: ms12)

Tersepuk rasa Lebai Debasa
mendengar kata-kata Jusoh itu. Dia
terus menundukkan kepala. (Rentong: ms 15)

(3) Metafora digantikan dengan perumpamaan dengan menggunakan imej yang sama. Strategi ini sesuai di kala penterjemah mahu mengurangkan kesan kejutan kepada pembaca dan pada masa yang sama penterjemah mahu metafora dikekalkan. Seperti contoh *'Life is a journey'* boleh diterjemahkan kepada 'Hidup seperti satu perjalanan'. Dalam strategi ini imej *'journey'* tersebut dikekalkan, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penterjemah hanya menambah perkataan seperti bagi menjadikan metafora tersebut satu perumpamaan.

(4) Metafora ditukarkan kepada perumpamaan dengan menggunakan imej yang lain. Strategi ini lebih bersifat penerangan, gaya bahasa asal penulis dikekalkan, pada masa sama juga sudut pemahaman pembaca diambil kira. Contohnya *The soldier is a lion in a battle* apabila ditukarkan kepada perumpamaan disertakan dengan maksud menjadi 'Askar tersebut seperti seekor harimau di medan pertempuran berjuang melawan musuh tanpa gentar.' Dalam contoh ini, imej singa telah ditukarkan kepada harimau manakala frasa 'berjuang melawan musuh tanpa gentar' merupakan penjelasan kepada imej harimau tersebut yang ditambah oleh penterjemah bagi membantu pembaca memahami metafora yang digunakan.

(5) Metafora digantikan kepada makna semata-mata. Strategi ini paling mudah digunakan dalam proses terjemahan kerana penterjemah tidak perlu mencari padanan yang sama dalam bahasa sasaran. Pembaca bahasa sasaran juga mudah memahami apa yang ingin disampaikan, lebih-lebih lagi apabila bahasa sumber dan bahasa sasaran bukan dari kelompok bahasa yang sama. Contoh yang diambil daripada kajian Abdul Rahman Mandali dan Hasuria Che Omar (2015) iaitu 'menyayat-nyayat kulit bumi' yang bermaksud merosakkan tanah diterjemah sebagai *rip the surface of the earth*. Unsur yang penting dalam metafora bahasa sumber, iaitu perkataan 'kulit' telah diterjemahkan kepada *'surface'* yang tidak bersifat metaforikal dalam bahasa sasaran.

6. Pengguguran metafora. Apabila sesuatu metafora itu tiada fungsi yang jelas, berulang-ulang atau tidak memberikan apa-apa makna dalam ayat, maka penterjemah berkemungkinan terus menggugurkan metafora tersebut. Contohnya '*He is a snail; he always walks slowly.*' telah diterjemahkan sebagai 'Dia berjalan lambat sekali.' Dalam ayat ini, metafora '*He is a snail.*' telah digugurkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. Metafora dikekalkan dan disertakan dengan maksud. Cara ini digunakan apabila penterjemah ingin mengekalkan juga metafora tersebut kerana mempunyai nilai tersendiri dalam ayat, namun tidak yakin mampu difahami oleh pembaca lalu disertakan sekali dengan pengertian. Seperti contoh, '*The tongue is a fire'*, apabila diterjemahkan dengan strategi ini menjadi 'Lidah itu api, api boleh membakar dan memusnahkan sesuatu, manakala setiap apa yang kita ucapkan mampu membakar atau mengguris hati seseorang.' Metafora 'Lidah itu api' dikekalkan, manakala maksud yang ingin disampaikan penulis menerusi metafora tersebut diberikan penerangan yang jelas.

2.6.2 Strategi Larson (1984)

Larson (1984) telah membincangkan lima strategi metafora sebagai garis panduan untuk menterjemahkan metafora. Strategi ini merupakan asas penterjemahan metafora yang digunakan oleh penterjemah. Strategi yang disarankan oleh beliau termasuklah:

i) Mengekalkan metafora sekiranya dapat difahami pembaca bahasa sasaran. Contoh: *He is an ox.* Apabila '*ox*' membawa maksud tersirat yang setara di dalam bahasa sasaran, maka perkataan tersebut boleh dikekalkan dalam proses terjemahan.

ii) Menggantikan metafora kepada perumpamaan. Perumpamaan lebih mudah difahami disebabkan titik perbandingannya lebih jelas berbanding metafora, oleh itu strategi ini digunakan untuk membantu pembaca memahami maksud yang ingin dijelaskan oleh penulis, seperti contoh: '*The road is a snake* dan *the road is as crooked as a snake.*' Sekiranya makna *snake* dalam bahasa sasaran tidak sama dengan bahasa sumber, maka pembaca lebih mudah menerima apabila digantikan kepada perumpamaan dan lebih jelas apabila menggunakan *as crooked as* untuk menjelaskan perbandingan yang penulis maksudkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Menggantikan metafora kepada metafora bahasa sasaran yang mempunyai maksud yang setara. Strategi ini sesuai digunakan apabila metafora dengan maksud yang hampir wujud dalam bahasa sasaran, penterjemah boleh menggantikan kepada metafora tersebut supaya pembaca bahasa sasaran rasa lebih dekat apabila membacanya. Contohnya, '*there was a storm in the parliament'* boleh ditukarkan kepada *parliament was on fire last night.*

iv) Metafora bahasa sumber dikekalkan dan diberikan penjelasan. Strategi ini boleh digunakan ketika penterjemah ingin mengekalkan metafora tersebut namun pada masa yang sama tiada penggantian yang seimbang dalam bahasa sasaran. Oleh itu, metafora dikekalkan tetapi penjelasan diberikan untuk mengelakkan kekeliruan yang mungkin dihadapi pembaca. Contohnya, '*the tongue is a fire. A fire can destroy things and what we say can ruin people.*'

v) Menterjemah metafora bahasa sumber tanpa mengekalkan ciri-ciri metaforanya. Strategi ini kebiasaannya lebih digemari oleh penterjemah kerana kemungkinan ada metafora sukar mendapat padanan yang tepat serta sukar diterjemahkan. Cara terjemahan ini juga tidak menimbulkan kekeliruan atau kesamaran kepada pembaca. Contohnya, '*there was a storm in the parliament last night.*' Metafora '*storm* ' terus digantikan kepada *argument and debate* supaya senang diterima oleh pembaca.

2.6.3 Perbandingan antara Strategi Newmark dan Larson

Kaedah-kaedah yang diutarakan oleh Newmark dan Larson dilihat hampir sama namun sebenarnya berbeza. Perbezaan antara kedua-dua kaedah ini dapat dilihat dengan jelas melalui jadual di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2 Perbandingan antara Strategi Newmark dan Larson

	Kaedah Newmark (1981)	Kaedah Larson (1984)
1.	Mengekalkan metafora dengan menggunakan imej yang sama	Mengekalkan metafora
2.	Mengekalkan metafora dengan menggantikan imej yang lain	Menggantikan metafora kepada perumpamaan
3.	Menggantikan metafora dengan perumpamaan dengan menggunakan imej yang sama	Menggantikan metafora kepada metafora bahasa sasaran yang mempunyai maksud yang setara.
4.	Menggantikan metafora dengan perumpamaan dengan menggunakan imej yang lain	Mengekalkan metafora bahasa sumber dengan disertakan penjelasan.
5.	Menterjemah metafora kepada pengertian semata-mata	Menterjemah metafora bahasa sumber tanpa mengekalkan ciri-ciri metaforanya.
6.	Pengguguran metafora	
7.	Mengekalkan metafora dan disertakan maksud	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat perbandingan antara strategi terjemahan Larson dan strategi terjemahan Newmark. Strategi pertama Larson adalah mengekalkan metafora dan strategi keempat Larson ialah mengekalkan metafora bahasa sumber dengan disertakan penjelasan. Newmark pula mencadangkan strategi pengekalan metafora dengan disertakan dengan penjelasan. Strategi kedua Larson ialah menggantikan metafora kepada perumpamaan manakala namun Newmark telah membahagikan strategi ini kepada dua iaitu menterjemahkan metafora kepada perumpamaan dengan imej sama dan menterjemahkan metafora kepada perumpamaan dengan imej yang lain. Seterusnya Larson mencadangkan untuk menggantikan metafora kepada metafora yang mempunyai maksud yang setara dalam bahasa sasaran. Newmark pula membahagikan terjemahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

metafora ini kepada dua strategi iaitu, strategi mengekalkan metafora dengan imej sama dan strategi mengekalkan metafora dengan imej berlainan. Akhir sekali, dalam strategi yang kelima Larson mencadangkan untuk menterjemah metafora bahasa sumber tanpa mengekalkan ciri-ciri metaforanya. Di sini, strategi ini sama dengan strategi yang dicadangkan oleh Newmark iaitu menterjemahkan metafora kepada pengertian semata-mata.Terdapat satu lagi strategi yang dicadangkan oleh Newmark tetapi tidak terdapat pada Larson iaitu pengguguran metafora. Berdasarkan perbezaan-perbezaan yang dinyatakan, pengkaji memilih untuk mengaplikasikan pendekatan Newmark kerana strategi-strategi yang dinyatakan lebih menyeluruh dan memfokuskan kepada imej-imej dalam metafora yang membantu dalam menganalisis medan sumber metafora dalam soalan kajian kedua nanti.

2.7 Semantik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kajian ini turut melibatkan bidang semantik atau secara khususnya semantik leksikal. Secara umumnya, terdapat sarjana yang menjelaskan bahawa perkataan semantik datang daripada bahasa Yunani yang membawa maksud 'menandai atau melambangkan' dan istilah ini diperkenalkan dalam ilmu linguistik oleh Michael Breal, seorang sarjana Perancis pada tahun 1883 (Ullmann, 1966). Selain itu, ada juga pendapat yang menyatakan bahawa semantik berasal daripada perkataan Greek iaitu *'semantikos'* yang membawa maksud 'erti yang penting'. Penjelasan mengenai semantik dihujahkan oleh Zabech et. al. (1974) yang menyatakan semantik dalam istilah moden bermaksud "kajian berkenaan hubungan antara unsur-unsur bahasa seperti perkataan, kata nama am dan nama khas, ekspresi predikat, dan ayat dengan item-item alam seperti benda, kejadian, keperihalan keadaan, nilai-nilai kebenaran dan situasi-situasi". Namun begitu, pada hakikatnya kajian sedemikian telah wujud sejak dahulu kala, hanya istilah semantik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belum diperkenalkan lagi. Sehingga kini, istilah semantik digunakan bagi merujuk kepada cabang ilmu linguistik yang memfokuskan kepada kajian makna. (Crystal, 2008).

Sarjana tempatan Nor Hashimah Jalaluddin (1994) menyatakan terdapat dua tahap dalam perkembangan ilmu semantik, yang pertama ialah semantik falsafah dan yang kedua ialah semantik linguistik. Pada tahap yang pertama, bidang linguistik dilihat sebagai satu bidang kajian falsafah, antara tokoh semantik falsafah yang terkenal seperti Wittgenstrein, Ogden, Carnap dan Richard. Ogden dan Richard (1923) dalam karya *the meaning of meaning*, memperkenalkan segi tiga semantik, yang terdiri daripada tiga komponen iaitu pemikiran, simbol dan rujukan.



Rajah 2.2 Segi Tiga Semantik (*Semantic Triangle*)


Sumber: dipetik daripada (Hasnoor, 2017:17)

Segi tiga semantik ini mendapat banyak bangkangan daripada sarjana yang lain seperti Ullmann. Ullmann (1972) menyatakan model ini tidak memberikan penjelasan yang lengkap dan jauh. Ianya memberi tumpuan kepada bagaimana perkataan diterima oleh pendengar tetapi mengabaikan sudut pandangan penutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah ilmu linguistik berkembang muncul pandangan bahawa semantik seharusnya berada di bawah bidang linguistik. Bloomfield (1933) merupakan sarjana terawal yang menjalankan penyelidikan bahasa dengan sistematik serta menambahkan kajian makna ke dalam linguistik. Beliau memberi perhatian kepada aspek-aspek yang membuahkan makna, serta menjadikan morfem sebagai unsur yang paling kecil dalam pecahan kata. Bloomfield juga menolak perkaitan antara pemikiran dan simbol oleh Ogden dan Richard, dan mencadangkan bahawa makna boleh dijelaskan melalui hubungan ransangan gerak balas antara penutur dan pendengar seperti berikut:



Rajah 2.3 Pengertian Makna Bloomfield

(Dipetik dari Bloomfield (1933) dalam Noor Hasnoor, 2017)

Berdasarkan rajah, makna terhasil daripada ransangan pertuturan antara penutur dan pendengar, dan tidak balas yang dihasilkan oleh pendengar. Model ini telah menjelaskan makna bukan berdasarkan lambang dan pemikiran.

Perkembangan semantik linguistik boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu, semantik struktural, semantik interpretif dan generatif, semantik formal dan semantik sistem penuh (Nor Hashimah Jalaluddin, 1994). Pada peringkat semantik struktural, setiap perkataan dalam sesuatu ayat diberikan fitur khas seperti fonologi supaya hubungan antara fitur dapat dikesan. Contohnya fitur (+lelaki) diberi kepada ayah dan fitur (-lelaki) diberikan kepada emak untuk menunjukkan perbezaan makna. Tugas ahli semantik adalah untuk mencari set fitur semantik untuk disebarluaskan ke seluruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbendaharaan kata. Pada peringkat semantik interpretif dan generatif, ilmu logik dilibatkan untuk menerangkan makna ayat. Semasa peringkat semantik formal pula, kesahihan ayat ditentukan dengan penggunaan bentuk logik. Semantik sistem penuh pula meneliti konteks dan niat sesuatu ujaran, dan bukannya perkataan. Di peringkat ini, ilmu pragmatik digunakan bersama ilmu semantik bagi memperoleh makna yang lebih tepat. Berdasarkan peringkat-peringkat semantik dapat dilihat bahawa fokus kajian tidak sama, pada peringkat pertama, analisis memfokuskan pada perkataan, peringkat kedua dan ketiga pula memfokuskan pada ayat, manakala peringkat keempat pula mencangkupi skop yang lebih luas iaitu ujaran.

2.7.1 Teori Medan Semantik

Teori medan semantik (*The theory of semantic fields)* pada mulanya dikemukakan oleh sarjana-sarjana Jerman dan Swiss pada tahun 1930an, antara sarjana yang terkenal seperti Ipsen, Jolls, Porzig and J. Trier. Namun begitu, bibit-bibit teori ini telah mula dinyatakan oleh Humboldt pada kurun ke-19. Daripada sarjana-sarjana ini, idea Trier diterima secara meluas, dan dipercayai telah membawa semantik kepada satu tahap yang baharu. Teras utama teori medan semantik ini adalah untuk menganalisis hubungan antara *genus* dan *species* berkaitan sesuatu kajian leksikal. Menurut Trier, kosa kata dalam sesuatu bahasa dianggap sebagai sistem leksem atau perkataan yang saling berhubungan melalui sudut makna. Sistem ini dikatakan sentiasa bergerak, bukan sahaja disebabkan hilangnya perkataan-perkataan lama dan wujudnya perkataan-perkataan baru, tetapi juga perhubungan makna pada perkataan dan antara perkataan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Lehrer (1974) menyatakan medan semantik mencerakinkan satu set perkataan ke dalam satu domain, seperti contoh buku sebagai bahan bacaan dikaji bersama akhbar, majalah, makalah dan surat, manakala buku sebagai tempat penyambungan dikaji bersama `ruas`, `batang` dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wu (1988) merumuskan Teori Semantik Trier seperti berikut:

1. Perbendaharaan kata di dalam sistem bahasa mempunyai perkaitan semantik dan membina sistem leksikal yang lengkap. Sistem ini tidak stabil dan sentiasa mengalami perubahan.
2. Disebabkan perbendaharaan kata sesuatu sistem bahasa tersebut mempunyai perkaitan semantik, kita tidak seharusnya melihat perubahan semantik pada perkataan-perkataan secara terpisah-pisah tetapi mengkajinya sebagai satu integrasi.
3. Disebabkan makna leksem-leksem saling berkaitan, kita hanya boleh menentukan konotasi sesuatu perkataan dengan menganalisis dan membandingkan hubungan semantik perkataan tersebut dengan perkataan lain. Sesuatu perkataan hanya mempunyai makna di dalam medan semantiknya yang tersendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.7.2 Hubungan Antara Leksikal

Ilmu semantik mendedahkan kepada kita bagaimana melihat perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk perkataan. Terdapat pelbagai hubungan antara leksikal antaranya dikenali sebagai sinonim, antonim, polisim, hiponim dan meronim. Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) menyebut bahawa hubungan leksikal meronim dipilih untuk menunjukkan perkaitan makna antara leksikal dalam komponen sumber metafora. Banyak objek di dalam dunia mempunyai bahagian-bahagian yang berbeza, konsep kita mengenai objek yang kompleks mengandungi spesifikasi mengenai bahagian-bahagian ini sebagai elemen. Contoh objek kompleks yang mudah untuk difahami ialah tubuh badan manusia yang mempunyai pelbagai bahagian. Terma spesifik mengenai hal ini ialah '*mereology*', yang merupakan satu sistem '*a whole and its parts, the parts of the part*' dan seterusnya. Bahagian dalam mereologi ini bukan hanya pecahan tubuh badan tetapi merupakan satu anatomi yang mempunyai fungsi tertentu, seperti contoh 'kepala'

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah bahagian dalam tubuh badan yang mempunyai organ deria yang amat penting seperti masa, telinga, hidung dan mulut. Kepala juga mempunyai otak. Manakala 'muka' yang merupakan bahagian depan kepala, dan boleh berubah kepada pelbagai ekspresi muka, seperti marah, gembira, sedih. 'Muka' juga bahagian yang berfungsi untuk makan, minum, bernafas, senyum dan lain-lain. Item daripada mereologi perlulah daripada item yang berkaitan.



Rajah 2.4 Rajah Tidak Lengkap Pecahan Tubuh Badan (Lobner, 2002)

Rajah yang dinyatakan oleh Lobner seperti yang tertera menjelaskan mengenai hubungan leksikal meronim anggota tubuh badan yang mengaplikasikan hubungan leksikal meronim. Hubungan leksikal ini menjadi asas kepada pecahan sumber metafora berdasarkan kerangka kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri.

2.7.3 Kerangka Kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000)

Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) menyatakan bahawa alam dan manusia merupakan medan sumber utama metafora BM. Hal ini bermaksud, alam dan manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyumbangkan kata yang paling banyak untuk membentuk metafora. Hubungan rapat antara orang Melayu dengan alam membolehkan mereka menggunakan alam untuk menyampaikan maksud terutamanya dalam situasi yang sukar dijelaskan seperti perasaan dan sebagainya. Sakina Sahuri Suffian Sahuri juga menyatakan kesukaran untuk memisahkan manusia dari alam kerana perkaitan yang rapat antaa kedua-duanya. Unsur alam boleh digunakan untuk menerangkan sifat manusia dan begitu juga sebaliknya (Sakina Sahuri Suffian Sahuri, 2000).

a) Manusia sebagai medan metafora

Sakina Sahuri Suffian Sahuri telah membahagikan medan manusia kepada dua pecahan utama, iaitu (1) medan anggota badan serta (2) medan perlakuan manusia. Manakala, medan yang kedua ini dipecahkan pula kepada tiga pecahan kecil iaitu, (i) medan perlakuan dengan anggota; (ii) medan perlakuan antara manusia sama ada aman atau berkonflik; (iii) medan perlakuan dengan alatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1) Medan anggota badan merupakan bahagian tubuh badan manusia seperti kepala, dada, pusat, kaki dan sebagainya. Contoh metafora bagi medan anggota badan seperti berikut: 'Kepalaku hampir mencecah kepala katil'. Di dalam ayat tersebut, bahagian kepala katil merupakan bahagian atas yang paling dekat dengan kepala, dan bukan bermaksud katil tersebut mempunyai kepala.

(2) Medan perlakuan manusia juga menyumbang perkataan sebagai metafora. Tiga pecahan di bawah medan ini ialah (i) medan perlakuan dengan anggota; (ii) medan perlakuan antara manusia sama ada aman atau berkonflik; (iii) medan perlakuan dengan alatan. Contoh bagi (i) seperti berikut: 'angin dari pantai menghembus nipis menjamah cuping telinga'. Perbuatan 'menjamah' merujuk kepada perbuatan menyentuh sedikit dengan jari atau merasa sedikit makanan. Oleh itu, dalam ayat tersebut angin menyentuh sedikit cuping telinganya. Seterusnya, contoh yang diberikan untuk (ii) ialah, 'terasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dingin pagi menyapa pipi dan diri yang terdedah'. Menyapa bermaksud menegur seseorang, perbuatan ini sesuatu yang menyenangkan bagi seseorang. Dalam ayat tersebut, tiupan angin itu menyenangkan pelaku tersebut. Selain itu, contoh medan perlakuan berkonflik pula seperti 'mindaku bergelut'. Bergelut merujuk kepada perbuatan bergomol, bergusti atau berkelahi. Daripada ayat tersebut bermaksud minda itu tidak tenang. Akhir sekali, contoh bagi (iii) pula ialah, 'Dia mahu memahat puncak kegemilangannya'. Memahat bererti menebuk lubang atau mengukir, dan meinggalkan kesan yang kekal. Oleh itu, daripada ayat tersebut, pelaku mahu mengekalkan kisah kejayaannya.

b) Alam sebagai medan metafora

Selain manusia, Sakina Sahuri Suffian Sahuri juga menyatakan bahawa alam merupakan unsur yang memainkan peranan penting dalam menyumbangkan kata untuk metafora Melayu. Oleh itu, dalam kajiannya, Sakina telah membahagikan medan alam kepada lima pecahan, iaitu (1) medan air; (2) medan api; (3) medan tanah; (4) medan tumbuhan; (5) medan haiwan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1) Medan air merujuk kepada cecair yang berupa seperti air dan didapati di kolam, tasik, laut dan sebagainya. Contoh bagi medan air seperti 'Haidah dihujani api cemburu'. Dalam ayat ini, hujan mendukung makna banyak, dan menerangkan perasaan cemburu Haidah yang meluap-luap.

(2) Medan api merujuk kepada nyalaan sesuatu yang dibakar, dan kebiasaannya membawa konotasi negatif yang terhasil daripada sesuatu konflik. Contoh bagi medan api ialah 'Kemarahanku marak menyala'. Dalam contoh ini, perkataan menyala menunjukkan kemarahan yang menggelodak sehingga tidak boleh dibendung atau dikawal lagi.

(3) Medan tanah merujuk kepada kawasan di mana manusia menetap sama ada negeri, daerah dan sebagainya, termasuk juga bentuk-bentuk yang berkaitan muka bumi seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gunung, bukit, lembah dan lain-lain serta binaan manusia seperti pondok, rumah, kota dan sebagainya. Contoh bagi medan ini, 'tembok kesabarannya runtuh sama sekali'. Dalam ayat ini tembok beerti benteng yang dibuat daripada batu-bata, dan merupakan sesuatu yang kukuh. Oleh itu, berdasarkan ayat, kesabarannya yang pada mula kukuh telah tergugat.

(4) Medan tumbuhan merujuk kepada segala yang tumbuh dan berbatang dan apa sahaja yang berkaitan dengan tumbuhan. Contoh bagi medan ini ialah, 'satu suara menyapa, mencantas lamunan Tigerbarb.' Dalam ayat tersebut, mencantas bermaksud memangkas atau memotong dahan, oleh itu, mencantas lamunan membawa maksud lamunannya telah dihentikan.


(5) Medan haiwan merujuk kepada binatang dan segala sifat binatang yang dipersepsikan oleh manusia. Contoh bagi medan ini, 'lelaki itu mencelah dengan rakus'. Rakus merupakan sifat haiwan yang gelojoh. Bagi contoh di atas, lelaki itu bersikap biadab dan terus mencelah memberikan pendapat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai rumusan, rajah 2.5 menjelaskan secara ringkas mengenai medan sumber alam dan manusia serta pecahan-pecahannya berdasarkan kerangka kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.5 Kerangka Medan Sumber Metafora Sakina Sahuri Suffian Sahuri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Kajian-kajian Lepas

Pengkaji membentangkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berdasarkan pembacaan yang telah dilakukan bermula dengan kajian mengenai metafora, kajian terjemahan dan terjemahan metafora dan seterusnya kajian-kajian yang dijalankan di luar negara.

2.8.1 Kajian Metafora

Dalam kajian yang lepas terdapat banyak kajian yang mengkaji metafora dalam budaya masing-masing khususnya budaya Melayu. Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) telah membuat satu kajian yang mendalam mengenai metafora BM bersumberkan korpus cerpen dalam akhbar *Berita Minggu* dan *Mingguan Malaysia* dari Januari 1996 hingga Jun 1996. Dalam kajian tersebut Sakina Sahuri Suffian Sahuri membahagikan metafora kepada dua komponen, iaitu komponen sumber yang bersifat konkrit dan komponen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sasaran yang bersifat abstrak. Komponen sumber berfungsi untuk menjelaskan komponen sasaran. Dalam kajian tersebut beliau mengaplikasikan pendekatan fitur semantik, medan semantik oleh Lehrer (1974) dan hubungan meronim bagi menganalisis perkaitan antara budaya dan bahasa. Berdasarkan kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri, beliau mendapati bahawa sumber utama yang membentuk metafora Melayu ialah alam dan manusia, pada masa yang sama kedua-dua sumber ini pula mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan sukar untuk dipisahkan.

Dapatan kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri dikukuhkan lagi dengan kajian oleh Noor Hasnoor Mohamad Nor pada 2017. Beliau menjalankan kajian metafora anatomi yang merupakan sebahagian daripada komponen manusia dalam BM berdasarkan kajian terhadap korpus himpunan pantun. Kajian ini juga memanfaatkan kerangka teori medan makna berasaskan Lehrer (1974) sebagai penentu domain makna dan pembahagian anatomi. Berasaskan medan makna Lehrer (1974), beliau mengkategorikan metafora kepada anatomi bahagian atas iatu kepala, metafora anatomi bahagian tengah iaitu badan serta metafora anatomi bahagian tengah iaitu hati, metafora anatomi bahagian hujung atas iaitu tangan dan metafora anatomi bahagian hujung bawah iaitu kaki. Hasil kajian memperlihatkan metafora anatomi menjadi sumber medan makna dalam BM, antara tumpuan tertentu anatomi ialah badan iaitu sebanyak hampir 60% daripada keseluruhan korpus, diikuti kepala, tangan dan kaki. Setiap bahagian pula mempunyai jenis-jenis makna berdasarkan medan yang tersendiri.

Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Imran Ho-Abdullah (2018) pula melihat bagaimana pendekatan kognitif dapat menyelesaikan masalah perbezaan metafora konseptual dan linguistik. Mereka mengambil definisi yang dikemukakan oleh Lakoff & Johnson (1980) iaitu, metafora ialah memahami sesuatu komponen yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

abstrak melalui sesuatu komponen yang lebih konkrit. Kajian ini menggunakan kerangka Stefanowitsch (2006) iaitu kaedah analisis metafora berpola yang mana beliau mengkelaskan metafora linguistik yang dikaji kepada Domain Sasaran (DSR) dan Domain Sumber (DS). Hasil kajian menunjukkan pemahaman terhadap konsep KEHIDUPAN mempunyai persamaan yang lebih banyak berbanding perbezaan. Persamaan tersebut berlaku pada makna literal, figuratif dan pengekalan metafora konsepsi, manakala perbezaan hanya berlaku pada penggunaan ujaran-ujaran linguistik.

Selain kajian metafora dalam BM, kajian mengenai metafora BC juga dijalankan oleh sarjana tempatan. Lau (2009) telah menyelidik metafora kata nama dan kata sifat dalam buku cerpen bahasa Mandarin. Dalam kajian tersebut beliau telah melihat jenis metafora dalam kelas kata seterusnya melihat makna dan fungsi metafora tersebut. Tujuan asas kajian ini ialah mengenalpasti bentuk metafora yang terdapat dalam cerpen-cerpen berdasarkan kelas kata nama dan kata sifat, serta meneliti makna-makna metafora yang didukung dalam kelas kata dan juga tema cerpen yang dipilih. Selain itu, penyelidik memperhatikan fungsi dan kesan kata nama dan kata sifat. Kajian ini telah memanfaatkan beberapa kaedah penyelidikan iaitu analisis dokumen, data dan temubual. Dalam kajian tersebut beliau telah mengaplikasikan pendekataan Hawkes (1972) untuk melihat perbezaan metafora perumpamaan, sinekdot, dan metonimi. Hasil yang diperoleh menunjukkan metafora lebih banyak terhasil dalam kelas kata nama berbanding dengan kelas kata sifat. Selain itu, metafora dijadikan satu teknik penyampaian makna dalam penulisan cerpen yang mempunyai bilangan perkataan yang terhad.

2.8.2 Kajian Terjemahan

Seiring dengan perkembangan ilmu yang semakin pesat para ilmuan sering bertukar-tukar kepakaran dan pengalaman melalui penulisan. Bagaimana kita ingin mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ilmu daripada luar jika kita tidak arif dengan bahasa tersebut. Jawapan yang paling tepat adalah melalui karya terjemahan. Banyak naskah-naskah dari BM diterjemah ke bahasa asing begitu juga degan sebaliknya. Contohnya karya sastera Keris Mas bertajuk *Rimba Harapan* telah diterjemah ke Bahasa Perancis *La Jungle de l'espoir* (Noraziah Abdul Aziz, 2014) dan *Salina* yang telah diterjemah oleh Laurent Metzger (Suziana Mad Saad, 2005).

Dalam menterjemah metafora pasti berlaku pemindahan makna, dan pada kebiasaannya unsur metafora diterjemahkan ke dalam bahan sasaran tanpa mengekalkan struktur metafora. Hal ini dikemukakan oleh Abdul Rahman Mandali dan Hasuria Che Omar (2015) yang menganalisis bentuk metafora, strategi penterjemahan metafora tersebut serta kesan dari sudut makna. Mereka menggunakan tiga kerangka teori yang berbeza iaitu strategi penterjemahan Larson (1984), ketidakbolehterjemahan Catford (1969) kehilangan makna dalam terjemahan Newmark (1981) dalam menjayakan kajian ini. Dalam kajian tersebut kerangka pendekatan Newmark (1981) dan Larson (1984) digunakan untuk meneliti tatacara menterjemah unsur metafora dalam data yang dipilih. Manakala metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) dijadikan teras untuk mengenal pasti pembentukan sifat metaforikal sesuatu ungkapan. Dalam kajian tersebut, definisi metafora yang digunakan adalah berdasarkan definisi Larson (1984) dan Newmark (1981), pada masa sama mereka telah memanfaatkan binaan kognitif metafora daripada Lakoff dan Johnson (1980) untuk mengetahui tatacara metafora bagi memahami cara sesuatu metafora itu beroperasi secara konseptual. Seterusnya dalam mengklasifikasikan metafora kepada metafora hidup dan metafora mati mereka menggunakan saranan oleh Larson (1984). Metafora dalam kedua-dua teks kajian ini dikenalpasti menggunakan kaedah yang berasaskan maksim Grice (1975). Dari segi struktur metafora, meraka membahaskan bahawa konsep titik persamaan oleh Larson

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1984) sebagai tidak mencukupi. Kajian itu juga menolak bahawa hanya terdapat satu sahaja titik persamaan antara topik dan imej. Topik dan imej dilihat mempunyai perkaitan antara satu sama lain dalam konteks yang lebih luas. Metafora yang mempunyai padanan dalam bahasa sasaran membolehkan penterjemah mewujudkan terjemahan yang ideal dengan perpindahan makna yang sempurna.

simpulan BC yang membawa maksud perasaan marah atau geram yang amat sangat. 火: api ; 冒: menaik ke atas; 三丈: 30 kaki. Dari segi bahasa, *chengyu* ini bermaksud api menjulang sehingga 30 kaki, manakala dari segi istilah menunjukkan seseorang itu sedang berada dalam keadaan yang amat marah. Oleh itu, *chengyu* ini mempunyai maksud yang setara dengan metafora bergelombang dada.

Contoh 2:

BM: Hatinya *berpesta* riang. (A17-M281-B1)

tā yì zhěngtiān dōu xīnhuānùfàng
BC: 他/一 整 天 / 都 心 花 怒 放 。(T17-M185-B8)

Dia/ seharian/ berasa gembira.

Daripada contoh di atas juga penterjemah menggunakan *chengyu* 心花怒放 bagi menggantikan metafora daripada karya asal. 心: hati ; 花: bunga ; 怒放: berkembang mekar ; Dari segi bahasa bermaksud hati seperti bunga sedang berkembang mekar, manakala dari segi istilah bermaksud perasaan yang sangat riang, gembira dan bahagia. Pemilihan simpulan bahasa juga bertepatan dengan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis asal.

4.3.3 Strategi Pengguguran Metafora (S6)

Pengguguran metafora berlaku apabila metafora itu tidak memiliki sebarang fungsi dalam karya asal serta tidak mempunyai kepentingan untuk diterjemahkan maka penterjemah menggugurkan sahaja metafora tersebut bagi menghasilkan terjemahan yang lebih ringkas dan padat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 1:

BM: Dia perlu melihat gerak langkah Farid yang tiba-tiba muncul di dalam gelanggang hidupnya. (A13-M202-B8)

BC: bùtīng bìxū duì tā yǒu suǒ jǐng tì
布汀 / 必须 / 对 他 有 所 警惕。(T12-M135-B13)

Budin/ perlu / berwaspada terhadapnya

Daripada contoh di atas, penterjemah tidak menterjemahkan metafora 'gelanggang hidup', terus menyampaikan maksud ayat secara ringkas. 'Gelanggang' boleh dikatakan sebagai simbolik kepada pertaruhan, perlawanan, namun penterjemah telah memilih untuk mengugurkan metafora ini dalam teks sasaran.

Contoh 2:

BM: Petang ini sejarah hidupnya *dicalit* dengan dakwat hitam yang tidak mudah dilupakannya. (A23-M421-B7)

BC: jīntiān shì tā lìshǐxìng de yìtiān tā yǒngyuǎn dōu búhuì wàngjì tāmen duì
今天 /是/ 他 / 历史性 的 一天。/他/ 永远 / 都 不会 忘记 他们 对

tā de píngyǔ tā huìyìshēng láoláo dì jìzhù
他 的 评语 。他/ 会一生 / 牢牢 地 / 记住。(T23-M272-B3)

Hari ini/ merupakan/ hari yang bersejarah buatnya. / Dia/ selamanya /tidak akan melupakan / kritikan mereka terhadapnya. / Dia /akan seumur hidup/ dengan kukuh/ mengingatinya.

Ayat di atas 'sejarah hidupnya dicalit dakwat hitam' terus diterjemahkan kepada 'hari yang bersejarah'. Impak emosi dalam metafora 'dicalit dengan dakwat hitam' hilang dalam penterjemahan. Dari segi makna, terjemahan berjaya disampaikan, tetapi berlaku pengurangan makna pada ayat asal yang ingin disampaikan oleh penulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4 Strategi Mengekalkan Metafora dengan Menggunakan Imej yang Sama (S1)

Berdasarkan penelitian, S1 telah digunakan sebanyak 9 kali dalam proses penterjemahan novel ini. Strategi ini sangat menarik perhatian untuk dikaji disebabkan ianya menunjukkan pertembungan bahasa dan budaya dalam BC dan BM. Terjemahan ini merupakan terjemahan terbaik yang mampu menyampaikan makna dengan sempurna tanpa mengubah bentuk ayat asal.

Contoh 1:

BM: Api kemarahan suaminya sudah mula *marak menyala*. (A18-M303-B10)

tā zhàngfu mǎnqiāng de nùhuǒ zhèngzài xióngxióngránshāo
BC: 她 丈 夫/ 满 腔 的 怒 火/ 正 在/ 熊 熊 燃 烧. (T18-M199-B1)

Suaminya/ penuh dengan api kemarahan/ sedang / marak menyala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam contoh ini, kemarahan itu diandai seperti api yang marak menyala. Penterjemah mengekalkan imej 'menyala-nyala' bagi menunjukkan api kemarahan di dalam terjemahannya. Frasa 熊熊燃烧 dalam BC mempunyai maksud yang setara dengan 'marak menyala' dalam BM. Api kemarahan juga diterjemahkan kepada maksud yang sama iaitu 怒火. Daripada contoh ini, konsep kemarahan itu seperti api merupakan konsep yang diterima secara universal dan ianya mampu difahami oleh bahasa-bahasa yang berlainan seperti kajian ini iaitu BM dan BC. Oleh itu, terjemahan dengan pengekalan metafora dengan imej yang sama merupakan terjemahan yang ideal dalam menyampaikan maksud asal penulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 2:

BM: Esok lusa mungkin penyakit itu *menjalar* ke kampung-kampung lain pula. (A8-M125-B1)

BC: zhè bì bìng hěn kěnéng huì hěnkuài dì mànyán dào zhěnggèxiāngcūn zōng
这 弊 病 / 很 可 能 会 / 很 快 地 / 蔓 延 到 / 整 个 乡 村 综

hé dìqū
合 地区。(T8-M83-B25)

Penyakit ini /sangat berkemungkinan /dengan cepat/ menjalar/ ke seluruh kawasan kampung

Daripada contoh ini, penterjemah menggunakan perkataan 蔓延 bagi menggantikan perkataan 'menjalar', 蔓延 juga membawa maksud yang sama dengan menjalar iaitu kebiasaannya merujuk pada tumbuhan yang tumbuh menjalar ke segenap kawasan dan pada masa sama 蔓延 juga membawa maksud merebak, seperti situasi api merebak dengan pantas. Penyakit merupakan sesuatu yang abstrak dan dijadikan konkrit dengan menyamakannya seperti tumbuhan yang menjalar. Konsep ini dapat diterima oleh pembaca bahasa sasaran iaitu BC dan metafora tersebut dapat diterjemahkan juga dalam bentuk sama dalam BC. Persilangan budaya ini memudahkan penterjemah menterjemahkan metafora ini menggunakan imej yang sama di dalam bahasa sasaran.

4.3.5 Strategi Menggantikan Metafora dengan Perumpamaan dengan Menggunakan Imej yang Sama (S3)

Penggunaan S2 antara yang terendah di dalam novel ini, dari keseluruhan metafora yang direkodkan, hanya 4 yang diterjemahkan dengan strategi ini. Strategi ini bertujuan untuk mengekalkan metafora dengan cara yang paling mudah untuk difahami pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tanpa perlu membuat pengubahsuaian yang banyak daripada karya asal, penterjemah hanya perlu menggunakan kata bandingan antaranya bagaikan, umpama, seperti dan sebagainya.

Contoh 1:

BM: Mahu *ditelannya* orang yang bermulut jahat itu. (A7-M108-B5)

tā bórándànù dì dèngzhe tā de qīzi fǎngfú yào bǎ tā hé tā nà
BC: 他 / 勃然大怒 地 / 瞪着 他 的 妻子，/ 仿佛 / 要 / 把 她 / 和 她 那

cúnxīnbùliáng de xīncháng yě yíkuàier tūnjìn dǔzi lǐ
存心不良 的 心肠 / 也 一块儿 / 吞进 肚子 里。(T7-M67-B1)

Dia/ dengan perasaan marah/ merenung isterinya, / seperti/ mahu/ isteri dan/ hatinya yang busuk/ sama-sama/ ditelan masuk/ ke dalam perut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh di atas memperlihatkan penterjemah terus menterjemahkan metafora 'ditelannya orang' ke dalam BC 吞进 肚子 里 (ditelan ke dalam perut) dengan hanya menambahkan kata bandingan 仿佛 yang membawa maksud 'seperti' di dalam BM. Pertambahan kata bandingan tersebut menjadikan ayat asal yang mengandungi metafora berubah bentuk menjadi perumpaman yang mampu memudahkan kefahaman pembaca terhadap maksud daripada karya asal tersebut. S3 membolehkan nilai estetik bahasa asal dikekalkan pada masa sama masih mengutamakan kefahaman pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 2:

BM: Angin bersih berhembus senang masuk melalui tingkap biliknya sambil *menepis-nepis* kulitnya yang memakai kemeja pendek dan berkain pelekat saja itu. （A29-M511-B5）

BC: yí zhèn wēi fēng chuī xiàng tā fángjiānde chuāng fǎng fú qīngróu dì fūmō
一 阵 微 风 / 吹 / 向 他 房 间 的 窗 ， 仿 佛 / 轻 柔 地 / 抚 摸
tā de jī fū
他 的 肌 肤 。(T29-M331-B2)

Angin lembut/ meniup/ ke tingkap biliknya, / seperti/ dengan lembut / membelai kulitnya.

Daripada ayat di atas, penterjemah menggunakan imej yang sama iaitu 'angin' dan menambahkan kata bandingan yang sama seperti contoh sebelum ini iaitu 仿佛 yang membawa erti 'seperti' dalam terjemahan BC. 'Angin menepis-nepis kulit' dan 风 抚摸 肌肤 mempunyai makna yang sama. Penterjemah terus menterjemahkan metafora bahasa sumber kepada bahasa sasaran dan mengubahkannya menjadi perumpamaan dengan penambahan kata bandingan. Perubahan ini membantu pembaca memahami maksud penulis asal tanpa perlu membuat pengolahan yang berlebihan.

4.3.6 Strategi Menggantikan Metafora dengan Perumpamaan dengan Menggunakan Imej yang Lain (S4)

Strategi ini adalah yang paling kurang diaplikasi oleh penterjemah dalam menterjemahkan karya ini. Daripada data yang terkumpul, hanya 2 sahaja dari keseluruhan terjemahan metafora yang menggunakan strategi ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 1:

BM: Di lubuk hatinya *terselit* sudah satu dendam yang pahit. (A6-M89-B2)

BC: tā xīnzhōng pánxuán de bēitòng yóurú yòuyú yánshí qū shuǐtán lǐ miàn tiào
他 心 中 / 盘 旋 的 悲 痛 / 犹 如 / 囿 于 岩 石 区 水 潭 里 面 / 跳

yuè de dàyú
跃 的 大 鱼。(T6-M60-B24)

Kesedihan yang berlegar-legar di hatinya / ibarat/ kolam di kawasan batuan/ ikan besar yang melompat-lompat /

Contoh di atas menunjukkan penterjemah menggunakan perumpamaan untuk menggantikan metafora daripada karya asal. Daripada terjemahan di atas, dendam di hati diumpamakan bagai ikan-ikan yang terkurung di dalam kolam di kawasan berbatu-batuan. Penterjemah memperjelaskan perasaan 'dendam yang pahit' daripada karya asal dengan menggunakan contoh yang dicipta sendiri dan bukan daripada karya asal.

Contoh 2:

BM: Rupa-rupanya pertemuan orang kampung di rumah datuk Farid benar-benar *membawa* nyawa kepada mereka yang laparkan tanah. (A14-M223-B1)

BC: zài fǎ lǐ ěr zǔfù jiā zhàokāi de huìyì xiàng gěi nóngfūmen dǎ le yìzhī
在 /法里尔 祖父 家 / 召 开 的 会议，/ 像 / 给 农 夫 们 / 打了 一支

jīngshén jì tāmen xīn jí dì hěn xiǎng yōngyǒu zì jǐ de tǔ dì
精 神 剂，/他 们 心急 地 很 想 / 拥 有 自己 的 土地 。(T14-M149-B1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di / rumah datuk Farid/ mesyuarat yang dijalankan, / seperti /memberi para petani/ satu suntikan semangat, / mereka sangat berharap/ untuk memiliki tanah sendiri.

Daripada contoh ini metafora asal 'membawa nyawa' telah digantikan kepada perumpamaan 像打了精神剂 yang bermaksud 'seperti memberi satu suntikan semangat'. Imej asal telah diubah dan digantikan kepada perkataan yang bersesuaian dengan pemahaman pembaca bahasa sasaran

4.3.7 Strategi Mengekalkan Metafora dan Disertakan dengan Pengertian (S7)

Strategi ini mengekalkan metafora yang terdapat daripada karya asal, namun disertakan juga dengan pengertian untuk kefahaman pembaca kerana dikhuariti metafora tersebut tidak mempunyai pertembungan budaya dengan bahasa yang diterjemah. Daripada karya ini, pengkaji tidak menjumpai contoh metafora yang diterjemah dengan menggunakan strategi ini, strategi yang digunakan sama ada mengekalkan metafora ataupun metafora tersebut terus diterjemahkan kepada pengertian. Tiada yang menggunakan kedua-dua strategi dalam satu terjemahan.


4.4 Analisis Medan Sumber Metafora

Bagi menjawab persoalan kedua kajian ini, data difokuskan kepada S2 iaitu strategi mengekalkan metafora dengan menggunakan imej lain. Strategi ini juga merupakan strategi kedua tertinggi digunakan selepas S5 iaitu strategi terjemahan metafora kepada pengertian semata-mata. Data ini dipilih kerana pengkaji ingin melihat perubahan terjemahan metafora BM kepada metafora BC sahaja yang merangkumi S1 dan S2, namun S2 digugurkan disebabkan penggunaan imej yang sama dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran tidak akan menghasilkan sebarang perubahan medan sumber. Namun


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

begitu bagi 11 data terjemahan kepada chengyu seperti yang telah dibentangkan dalam 4.2.2 juga digugurkan. Ini berdasarkan kenyataan (Wu, 1995) bahawa makna sesetengah peribahasa ini boleh ditentukan daripada gabungan unsur komponennya. Sebaliknya sebahagian daripada peribahasa ini pula tidak boleh didapati melalui komponennya. Oleh itu, analisis medan sumber tidak dapat diaplikasikan ke dalam chengyu. Justeru, bilangan data yang terlibat dalam analisis ini ialah sebanyak 33 data sahaja.



Rajah 4.2 Pecahan Medan Sumber Metafora BM




Rajah 4.3 Pecahan Medan Sumber Metafora BC

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kedua-dua rajah di atas, pecahan medan sumber metafora BM dan BC mempunyai peratusan yang sama iaitu 64% terdiri daripada medan sumber manusia manakala lagi 36% terdiri daripada medan sumber alam. Seterusnya, pecahan bagi setiap medan sumber ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Rajah 4.4 Pecahan Penuh Medan Sumber Metafora BM dan BC

Rajah di atas menjelaskan medan sumber metafora BM dan BC. Di bawah medan sumber manusia, medan perlakuan dengan anggota mendominasi sebagai medan yang paling kerap digunakan dalam kedua-dua bahasa, iaitu sebanyak 14 metafora dalam BM dan 10 metafora dalam BC. Seterusnya, medan perlakuan dengan alat digunakan sebanyak 4 metafora dalam BM dan 4 metafora dalam BC. Akhir sekali, medan perlakuan dengan kuasa sebanyak 3 metafora dalam BM dan 7 metafora dalam BC.

Di bawah medan sumber alam pula, medan api diwakili 1 metafora dalam BM dan 2 metafora dalam BC manakala medan air diwakili 4 metafora dalam BM dan 5 metafora

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam BC. Bagi medan objek, 2 metafora dalam BM dan 4 metafora dalam BC ditemui. Selain itu, turut ditemui medan kehidupan dan medan haiwan masing-masing sebanyak 2 metafora dalam BM, medan tumbuhan1 metafora dalam BM, serta medan udara sebanyak 1 metafora dalam BC.

4.4.1 Medan Sumber Metafora BM

Manusia menggunakan bahagian anggota tubuh, ciri-ciri, kemampuan diri bagi menggambarkan sesuatu. Daripada dapatan kajian metafora BM, manusia sebagai medan sumber metafora dapat dipecahkan kepada tiga pecahan berikut. (a) perlakuan dengan anggota , (b) perlakuan dengan alatan, (c) perlakuan dengan kuasa.

Daripada analisis 33 data terjemahan metafora BM ke metafora BC dengan menggunakan imej lain, terdapat pelbagai jenis medan yang bersumberkan alam dan manusia. Jadual di bawah membentangkan medan sumber bagi metafora BM.



Rajah 4.5 Medan Sumber Metafora BM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah di atas menjelaskan medan sumber yang berkait dengan komponen sumber daripada karya. Medan sumber perlakuan dengan anggota mendominasi carta bagi medan yang paling kerap digunakan iaitu sebanyak 14 metafora, seterusnya diikuti dengan medan sumber air dan medan sumber perlakuan dengan alat sebanyak 4 metafora, medan sumber perlakuan dengan kuasa, dan haiwan masing-masing sebanyak 3 metafora, objek dan kehidupan sebanyak 2 metafora dan akhir sekali medan api sebanyak 1 metafora.

4.4.1.1 Manusia sebagai Medan Sumber

Daripada data yang terkumpul, sebanyak 21 metafora yang menggunakan manusia sebagai medan sumber. Berdasarkan penelitian, medan sumber perlakuan manusia terbahagi kepada tiga jenis iaitu perlakuan dengan anggota, perlakuan dengan kuasa dan perlakuan menggunakan alatan.

a) Perlakuan dengan anggota

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perlakuan dengan anggota ialah perlakuan yang menggunakan bahagian-bahagian tubuh badan. Anggota yang menyumbangkan kata bagi medan ini ialah tangan, kaki, badan dan mulut. Tangan menyumbang perkataan diperah, mematahkan, dibuangkan, mencuit, bermain, membawa, terperap, menahan dan terselit. Kaki pula menyumbangkan perkataan melompat, turun dan bertatih. Badan menyumbangkan perkataan bergelut, manakala mulut pula menyumbangkan perkataan ditelan.

i) Tangan

Berdasarkan kajian, tangan merupakan anggota yang paling banyak menyumbangkan kata untuk metafora. Makna yang diukung berbeza-beza. Antara makna yang dikenalpasti ialah hilang atau lenyap, antara kata yang mendukung makna hapus ialah *dibuangkan* dan *mematahkan*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

11) Tetapi rasa tidak senang itu terpaksa *dibuangkan* jauh-jauh di kala menghulurkan sampul surat tersebut apabila mengenangkan nasib bapa saudaranya. (A6-M91-B3)

18) Azam untuk *mematahkan* sokongan dan penghargaan orang kampung kepada Farid yang tidak semena-mena mengganggu hati dan kedudukannya. (A14-M224-B7)

Berdasarkan contoh 11, rasa tidak senang dalam hatinya mahu dihapuskan oleh Farid, manakala daripada contoh 18 pula, Budin mahu menghapuskan sokongan terhadap Farid. Komponen sumber metafora dalam kedua-dua ayat ini mempunyai makna yang sama walaupun imej yang berbeza.

4) Ucapan itu selalu *bermain* di kepalanya lebih-lebih lagi apabila cikgu darjahnya memarahinya kerana tidak punya buku pelajaran yang lengkap di sekolahnya. (A2-M29-B20)

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6) Ada tenaga baru yang *mencuit* hati dan kepalanya. (A3-M49-B19)

12) Apabila Farid datang menziarahi datuknya hari Ahad itu, ramai orang kampung datang menemui anak muda ini dengan *membawa* satu harapan di dada. (A7-M99-B6)

23) Kata Encik Mulok, dengan memandang muka yang kelihatan tenang, tetapi di dadanya sudah lama *terselit* rasa tidak senang dan cemburu yang menggila. (A16-M262-B2)

Selain mendukung makna hapus, medan perlakuan dengan tangan juga menyumbangkan makna muncul. Metafora daripada ayat 4 iaitu 'ucapan bermain di kepala' membawa maksud ucapan tersebut muncul di mindanya. Ayat 6 pula 'tenaga baru mencuit hati dan kepala' bermaksud terdapat tenaga baru yang muncul dalam hati dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepalanya. Mencuit juga membawa makna sedikit, kerana perlakuan mencuit menggunakan hujung jari sahaja. Jadi boleh difahamkan tenaga tersebut sedikit sahaja. Daripada ayat 23 pula, 'di dadanya terselit rasa' bermaksud di dadanya muncul rasa tidak senang dan cemburu yang menggila. Manakala daripada ayat 12, 'membawa harapan di dada' bermaksud menyimpan harapan di dadanya.

2) Tapi sayangnya jiwa yang selalu memberontak itu *terperap* di bank. (A1-M15-B26)

Medan perlakuan dengan tangan juga mendukung makna tertahan atau terkurung seperti ayat di atas. Terperap merupakan keadaan terkurung dalam satu jangka masa yang lama. Oleh itu, berdasarkan ayat, metafora 'jiwa terperap di bank' bermaksud terkurung di bank untuk bekerja dalam jangka waktu yang lama.

29) Otak di dalam kepala itu *diperahnya* sungguh-sungguh untuk mencari jalan menawan hati orang kampung. (A20-M345-B27)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Medan perlakuan dengan tangan mendukung makna kuat. 'Perah' merupakan perlakuan memicit sehingga keluar air. Berdasarkan ayat, metafora 'otak diperah bersungguh-sungguh' membawa maksud berfikir dengan bersungguh-sungguh untuk mencari jalan menawan hati orang kampung.

24) Dikuatkan sedikit suaranya untuk *menahan* goncangan hati yang bimbang sedikit kerana kenyataan yang dibuatnya itu adalah kenyataan bohong. (A16-M264-B22)

Selain daripada itu, medan perlakuan dengan tangan juga mendukung makna menyekat. Berdasarkan ayat, 'menahan goncangan hati' membawa makna pelaku cuba menyekat kegelisahan yang wujud di hatinya daripada timbul hingga disedari orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Kaki

Hasil analisis, medan perlakuan dengan kaki turut menyumbangkan kata sebagai metafora. Makna yang didukung juga berbeza-beza sama seperti perlakuan dengan tangan.

16) Menyirap-nyirap darah panasnya *turun* ke muka. (A13-M222-B10)

32) Berita hangat begitu cepat *melompat* dari mulut ke satu mulut. (A27-M493-B12)

Medan perlakuan dengan kaki mendukung makna bergerak dengan laju. Metafora 'darah panas turun ke muka' menunjukkan darah panas bergerak laju ke muka apabila perasaan marah itu datang. Daripada ayat 32 juga, berita hangat seakan-akan melompat-lompat ke sana sini disebabkan kepantasannya disebarkan pada khalayak.

30) Kampung empat cabang mula *bertatih* kini. (A23-M428-B11)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan ayat di atas, makna yang dibawa oleh metafora bertatih ialah perlahan-lahan. Kampung Empat Cabang perlahan-lahan menuju ke arah kemajuan material dan spiritual.

iii) Badan

Daripada kajian, hanya satu sahaja metafora dengan medan perlakuan dengan badan.

4) Kemudian dia terkenang akan bapa saudaranya yang *bergelut* dengan kemiskinan hidup. (A3-M34-B10)

Makna yang didukung oleh metafora bergelut ialah susah atau sukar. Bapa saudaranya yang miskin masih terperangkap dalam kemiskinan dan cuba melawan atau keluar dengan susah payah dan sukar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) Mulut

Medan perlakuan dengan mulut hanya menyumbangkan satu sahaja metafora.

31) Kalau ketawa hilang terus biji matanya *ditelan* daging pipi yang tembam itu. (A26-M478-B11)

Perkataan ditelan mendukung makna hilang atau tutup. Berdasarkan ayat biji matanya ditelan daging pipi bermaksud apabila ketawa, biji matanya hilang di celah-celah pipi.

b) Perlakuan dengan alatan

Perlakuan dengan alatan ialah perlakuan yang memerlukan alatan lain sebagai bantuan untuk menjalankan perlakuan tersebut. Antara contoh metafora yang menggunakan medan perlakuan dengan alatan ialah membelah, mengukir, mencucuk-cucuk, dan membalut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3) Kuat sedikit suara perempuan berbadan kecil ini *membelah* ketenangan malam. (A2-M23-B23)

Membelah merupakan satu perbuatan yang menggunakan alatan tajam seperti pisau atau pun kapak. Membelah juga mendukung makna musnah. Berdasarkan ayat di ayat, suara yang kuat tersebut telah memusnahkan ketenangan malam.

10) Farid juga *mengukir* sebuah senyuman yang paling mesra untuk wakil rakyat yang menjadi lintah darat ini. (A6-M90-B26)

Perkataan mengukir yang merupakan satu perbuatan yang menggunakan alatan yang tajam. mengukir ini mendukung makna sukar kerana proses mengukir itu bukan satu kerja yang mudah. Berdasarkan contoh yang diberikan, Farid senyum dengan terpaksa kepada wakil rakyat yang merupakan lintah darat tersebut.

25) Rasa jeleknya *mencucuk-cucuk* di tangkal jantung. (A16-M273-B14)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mencucuk-cucuk juga merupakan satu perbuatan yang juga menggunakan alatan yang tajam. Mencucuk-cucuk membawa makna hadir dan menyakitkan. Daripada ayat di atas, perasan jelek muncul dan menyakitkan hati dan perasaan Budin.

27) Hitam pekat *membalut* seluruh bukit terkenal itu. (A18-M297-B10)

Membalut merupakan satu perlakuan yang menggunakan kain atau alas untuk menutup atau membalut. Membalut di sini mendukung makna tutup atau melitupi. Berdasarkan ayat, malam yang gelap telah menutup seluruh bukit tersebut.

c) Perlakuan dengan kuasa

Perlakuan dengan kuasa pula bermaksud perlakuan yang dilakukan disebabkan kekuasaan yang ada pada si pelaku yang dirasanya boleh mengatasi lawannya. Perlakuan dengan kuasa diwakili oleh contoh-contoh berikut:

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

14) Tidak ingin bersua suasana-suasana tegang *menguasai* seluruh hidupnya dari dalam rumah hingga luar rumah. (A10-M143-B12)

Menguasai bermaksud berkuasa atas sesuatu, perkataan ini juga mendukung makna takluk. Berdasarkan ayat di atas, suasana-suasana tegang telah menakluk dan memenuhi ruang hidupnya.

17) Budin yang masih *diserang* penyakit iri hati yang mendalam itu memandang segala gerak laku orang Kampung Telaga Laut dengan satu azam. (A14-M224-B4)


21) Dia tidak patut *menyekat* kebebasannya melampau-lampau kerana dia sendiri selalu juga berseronok-seronok dengan gadis lain. (A15-M245-B14)

Medan perlakuan dengan kuasa mendukung makna ganggu atau halang. Daripada ayat 17, 'serang' merujuk kepada tindakan memulakan pertempuran atau gangguan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mangsa. Di dalam contoh ini, diserang digunakan oleh satu penyakit yang datang secara tiba-tiba telah memberi gangguan atau punca kepada perilaku jahat watak Budin. Melalui ayat 21 pula, perkataan menyekat membawa maksud menghalang dengan kuasa daripada melakukan sesuatu. Dalam contoh tersebut, menyekat digunakan bagi menunjukkan kebebasan itu terhalang.



Rajah 4.6 Rumusan Medan Sumber Manusia Metafora BM

4.4.1.2 Alam sebagai Medan Sumber

Alam merujuk kepada bumi atau dunia yang manusia tinggal. Oleh itu, segala yang berada di bumi merangkumi dalam alam. Manusia juga merupakan sebahagian daripada alam,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

namun medan manusia telah dibincangkan asing kerana terdapat pecahan lain dalam medan manusia. Daripada data yang terkumpul, sebanyak 13 metafora tergolong di bawah medan alam. Pecahan yang telah diperoleh seperti dinyatakan sebelum ini ialah api, air, tumbuhan, haiwan, kehidupan dan objek.

a) Api

Api merupakan satu nyalaan daripada proses oksidasi yang turut menghasilkan haba, asap dan cahaya. Api memberi persepsi negatif seperti garang, bengis dan marak sehingga sering dikaitkan dengan kemarahan. Contoh ayat bermetafora daripada medan api seperti berikut:

20) Darah mudanya *membakar* di seluruh urat sarafnya. (A15-M243-B11)

Ayat 20 merupakan contoh bagi medan api. 'Membakar' di sini mendukung makna takluk dan jajah. Daripada ayat ini dapat dilihat darah mudanya membuak-buak sehingga diumpamakan telah menakluki dan memenuhi seluruh urat saraf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

b) Air

Air merupakan unsur cecair yang sangat berguna dalam kehidupan. Berdasarkan data, terdapat 5 ayat yang menggunakan air sebagai medan sumber metafora iaitu *timbul, menampung, kocakan* dan *berkocak.*

8) Yang selalu *timbul* di matanya ialah pandangan dan keadaan hidup orang kampung itu dengan orang Bukit Putri bersilih ganti. (A4-M67-B18)

Timbul merupakan sesuatu yang berlaku di dalam air, sesuatu objek yang berjisim rendah akan timbul. Timbul di sini mendukung makna hadir atau muncul. Daripada contoh ayat, keadaan hidup orang kampung sentiasa muncul di mata dan fikiran Farid.

13) *Kocakan* di dada terus kencang (A7-M106-B22)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

33) Di dalam hatinya *berkocak* hebat. (A28-M508-B27)

Medan sumber air mendukung makna bergerak. Daripada ayat 13 dan 23, 'kocakan' dan 'berkocak' berkongsi kata dasar yang sama iaitu kocak. Perasaan tidak tenang mengganggu Farid seperti air yang berkocak. 'kocakan di dada' dan 'dalam hatinya berkocak hebat' menunjukkan seakan ada pergerakan hatinya yang membawa maksud perasaan tidak tenang.

15) Malam terus lalu *menampung* sejuta peristiwa manusia. (A11-M181-B5)

Medan air juga mendukung makna menyimpan melalui kata 'menampung'. Berdasarkan ayat di atas, malam menyimpan pelbagai peristiwa manusia.

c) Tumbuhan

Tumbuhan ialah segala jenis pokok. Untuk kajian ini semua yang berkaitan dengan sifat tumbuhan dan juga bahagian tumbuhan akan dirangkumkan di bawah medan ini. Namun, hasil analisis mendapati hanya terdapat satu sahaja metafora yang berada di bawah medan tumbuhan iaitu *menjalar*.

19) Darah panasnya sudah *menjalar* ke seluruh badan. (A14-M225-B21)

Ayat di atas merupakan satu-satunya metafora daripada medan tumbuhan. Menjalar merupakan sifat tumbuhan yang mendukung makna bergerak atau merebak. Daripada ayat ini, darah diibaratkan seperti tumbuhan yang bergerak ke seluruh badan.

d) Haiwan

Haiwan merupakan salah satu hidupan di alam ini, pecahan medan haiwan merangkumi perkataan yang berkaitan dengan sifat haiwan seperti mana yang dipersepsikan oleh manusia. Hasil analisis, hanya dua sahaja metafora di bawah medan ini iaitu *terbang* dan *menerkam*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

22) Tidak ada satu pun yang dapat mententeramkan hatinya kini, ingatannya segera *terbang* ke rumah Rozita, tunangannya. (A15-M253-B26)

Berdasarkan ayat, terbang merupakan sifat yang ada pada haiwan dan tidak ada pada manusia. Terbang mendukung makna bergerak. Daripada ayat ini, metafora 'ingatan terbang ke rumah' bermaksud ingatannya berputar kembali ke situasi di rumah Rozita.

28) Otaknya lekas *menerkam* tentang perbezaan orang bangsanya dengan bangsa lain. (A19-M331-B7)

Menerkam juga merupakan sifat yang ada pada haiwan. Menerkam mendukung makna tangkap atau capai. Daripada ayat, mindanya berfikir lalu menggapai perbezaan antara bangsa dan bangsa lain.

e) Kehidupan

Medan kehidupan membawa maksud fitrah kehidupan yang berlaku pada kejadian alam yang bernyawa iaitu haiwan dan manusia, contoh perkataan di bawah medan kehidupan ialah hidup, mati, bernyawa. Berdasarkan data, dua metafora yang diletakkan di bawah medan kehidupan ialah mati dan bernyawa.

1) Kalimat itu *mati* tiba-tiba. (A1-M7-B17)

Mati bermaksud tidak bernyawa lagi. Mati di dalam konteks ayat di atas mendukung makna henti. Oleh itu, dapat difahami bahawa kalimat itu telah terhenti secara tiba-tiba.

26) Memang dia kesal sekali menerima berita perletakan jawatan Farid daripada persatuan-persatuan di kampung yang baru hendak *bernyawa* itu. (A17-M286-B23)

'Bernyawa' membawa maksud hidup. 'Bernyawa' pada konteks ayat mendukung makna stabil. Persatuan-persatuan tersebut masih baru digerakkan, baru hendak stabil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f) Objek

Medan objek merupakan objek atau binaan ciptaan manusia yang ada di dunia ini. Metafora yang mendukung medan ini ialah *terpaku* dan *pentas*.

7) Tetapi cerita-cerita Kampung Telaga Laut masih *terpaku* kuat di kepala dan hati anak muda ini. (A4-M67-B15)

9) Berfikir panjang bagaikan pujangga besar merenung jauh pada *pentas* hidup manusia yang serba konflik ini. (A5-M85-B5)

Daripada ayat 7, kata dasar bagi metafora terpaku ialah paku. Paku ialah benda tajam di di hujungnya dan berkepala yang digunakan untuk melekatkan dua barang. Berdasarkan maksud tersebut, paku atau terpaku mendukung makna kukuh. Cerita-cerita Kampung Telaga Laut masih melekat di kepala dan hatinya. Sereusnya, daripada ayat 9, pentas merupakan objek yang dicipta oleh manusia untuk berhibur dan membuat persembahan. Pentas di dalam konteks ayat mendukung maksud cerita. Metafora 'pentas hidup' pada ayat pula membawa maksud jalan cerita kehidupan manusia yang diandaikan seperti satu persembahan kerana terdapat berbagai-bagai konflik dan percaturan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rajah 4.7 Rumusan Medan Sumber Alam Metafora BM

4.4.2 Medan Sumber Metafora BC

Daripada analisis 33 data terjemahan metafora BC yang diterjemahkan daripada BM dengan menggunakan imej lain, terdapat pelbagai jenis medan yang bersumberkan alam dan manusia. Jadual di bawah membentangkan medan sumber bagi metafora BC.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.8 Rumusan Medan Sumber Manusia Metafora BC

Rajah di atas menunjukkan medan sumber yang berkait dengan komponen sumber daripada karya terjemahan BC. Seperti juga analisis daripada data metafora BM, medan sumber perlakuan dengan anggota mendominasi sebagai medan yang paling kerap digunakan iaitu sebanyak 10 metafora, seterusnya diikuti dengan medan sumber perlakuan dengan kuasa sebanyak 7 metafora, medan sumber air sebanyak 5 metafora, medan sumber objek sebanyak 4 metafora, medan sumber perlakuan dengan alat sebanyak 4 metafora, medan api sebanyak 2 metafora dan akhir sekali medan angin sebanyak 1 metafora.

4.4.2.1 Manusia sebagai Medan Sumber

Berdasarkan penelitian sebanyak 21 metafora yang menggunakan manusia sebagai medan sumber. Sama seperti data metafora BM, medan sumber manusia terbahagi kepada medan perlakuan dengan anggota, medan perlakuan dengan kuasa serta medan perlakuan dengan alat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Medan perlakuan dengan anggota

Daripada data metafora BC, terdapat 10 metafora yang menggunakan perlakuan dengan anggota badan sebagai medan sumber. Anggota yang terlibat sama seperti metafora BM iaitu tangan, kaki dan badan, hanya medan mulut yang tidak terdapat dalam data BC. Medan perlakuan dengan tangan diwakili 挤出（picit）,按住（menekan），抱着（mendukung）dan 传（menyebarkan）. Medan perlakuan dengan kaki diwakili 流窜（berlari bersembunyi），去（pergi），前进（mara hadapan）.Medan perlakuan dengan badan diwakili 挣扎（meronta-ronta），出现（muncul）dan 围绕（mengelilingi）.

i) Tangan

Berdasarkan kajian, tangan merupakan anggota yang paling banyak menyumbangkan kata untuk metafora, dan sama seperti BM. Namun, makna yang didukung adalah berbeza-beza.

10）法里尔/尽其所能/ 挤出笑容/ 回应/ 这位吸血政客。(T6-M61-B27)

Farid/ sedaya upaya/ memerah senyuman/ membalas / ahli politik penghisap darah ini

Daripada ayat di atas, perkataan 挤出 bermaksud memerah. Memerah merupakan satu perlakuan dengan tangan untuk mengeluarkan sesuatu cecair, ianya mendukung makna membuat sesuatu dengan susah payah. Senyuman yang terpaksa dibuat-buat digambarkan dengan perlakuan memerah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

11）当/ 他/ 把信封/ 呈上去时/， 他按住/ 自己的情绪/，因为/ 这是为了/ 他舅父/和勤勉的阿夏。(T6-M62-B2)

Ketika/ dia/ menyerahkan sampul tersebut, / dia menekan/ perasaaannya sendiri, / disebabkan/ ianya demi/ bapa saudaranya/ dan Asiah yang rajin.

Daripada ayat 11, 按住 bermaksud menekan. Menekan di sini merupakan satu perlakuan yang mendukung makna menutup. Metafora 按住情绪（menekan emosi atau perasaan）bermaksud Farid cuba berlawan dengan emosinya dan menutup perasaan itu supaya tidak muncul.

33）一传十，十传百。/ 很快地，/ 这消息/ 就传入/ 法里尔的耳朵。(T27-M319-B9)

Satu sebar sepuluh, sepuluh sebar seratus. / dengan pantas, / berita ini/ sampai ke/ telinga Farid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, medan perlakuan dengan tangan juga mendukung makna bergerak pantas. 传 beerti menyampaikan atau menyebarkan. Berdasarkan ayat, berita itu tersebar dengan laju sehingga sampai ke telinga Farid.

12）接着的周日/ 法里尔/ 到村里 /探望/ 南利/ 时， 他/ 发觉/ 一大群的村民/ 都抱着一个愿望/， 就是/ 要像南利一样/ 找到 一份工作/。(T7-M67-B4)

Ahad yang berikutnya/ Farid/ pergi ke kampung/ melawat/ Ramli, / dia merasakan/ sekumpulan penduduk kampung/ mendukung satu harapan, / iaitu / mahu menjadi seperti Ramli / memperoleh kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan ayat 12, 抱着（mendukung）membawa makna wujud. Metafora 抱着希望 di dalam ayat memberi maksud bahawa penduduk kampung mempunyai satu harapan yang ingin diluahkan kepada Farid.

ii) Kaki

Medan perlakuan kaki menyumbangkan tiga metafora di dalam karya terjemahan. Berdasarkan data yang diperoleh, makna yang didukung oleh medan ini adalah setara iaitu bergerak.

20）他感觉到一股热血在他全身流窜。T15-M163-B3

Dia/ merasakan/ darah panas/ ke seluruh badan/ berlari-lari.

22）他的思绪/去 到/ 罗紫达的家。T15-M168-B27

Fikirannya/ pergi ke/ rumah Rozita.

29）他的思路/ 继续前进, /一定有办法/ 使村民支持他。(T20-M227-B5)

Mindanya/ terus/ maju ke depan, / pasti ada jalan/ membuatkan penduduk kampung menyokongnya.

Daripada ayat 20, darah panas bergerak ke seluruh badan, ayat 22 pula, mindanya bergerak dan menerawang ke rumah Rozita. Dalam ayat 29 pula, pemikirannya teruk bergerak dan memikirkan cara untuk mendapatkan sokongan penduduk kampung. Dalam ketiga-tiga ayat di atas menggunakan perkataan yang berbeza iaitu 流窜 （berlari bersembunyi）, 去（pergi）, 前进（maju ke depan）namun ketiga-tiganya mendukung makna yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Badan

Berdasarkan kajian, medan perlakuan dengan badan menyumbangkan tiga metafora iaitu *meronta-ronta, muncul* dan *dikelilingi*. Namun, ketiga-tiga metafora ini mendukung makna yang berbeza-beza.

5）也许/ 他只是/ 情绪/ 有 点 波动，/但/ 一想到/ 他 的 舅父 /为了 克服 困难 而/挣扎 / 的 那 一刹那，/ 心里/ 一片 困恼。(T3-M23-B15)

Mungkin juga/ dia hanya/ perasaan/ sedikit terusik, / tetapi/ memikirkan/ bapa saudaranya/ demi mengatasi kesusahan lalu meronta-ronta/ saat itu, / hatinya rasa gelisah

Daripada ayat 5, 挣扎 membawa maksud meronta-ronta. Metafora ini mendukung makna susah. Berdasarkan ayat, bapa saudaranya ingin melepaskan diri daripada kemiskinan tetapi amat sukar, dan dia diandaikan sedang meronta-ronta untuk melepaskan diri.

8）特拉格劳 和 公主山的 生活/ 纵横交织 /地 在 他 脑海里/ 出现。(T4-M46-B13)

Kehidupan di Telaga Laut dan Bukit Putri/ bersilang/ muncul di lautan mindanya

Daripada ayat di atas, 出现 yang bermaksud muncul mendukung makna hadir. Metafora 在脑海中出现 atau muncul di lautan kepalanya, bermaksud dia sedang memikirkan keadaan kehidupan penduduk Telaga Laut dan Bukit Putri. Kedua-dua perkara tersebut hadir dan bermain-main di mindanya.

14）他/ 不想/ 在家或在外头/ 都常常/ 被紧张的气氛围绕。(T10-M96-B21)

Dia/ tidak mahu/ di rumah atau di luar/ seringkali/ dikelilingi suasana yang tegang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada contoh di atas, 围绕 (mengelilingi) mendukung makna takluk. Berdasarkan ayat, dia tidak ingin suasana yang tidak diingini menakluki atau menguasai hidupnya.

b) Medan perlakuan dengan kuasa

Medan perlakuan dengan kuasa menyumbangkan tujuh metafora di dalam karya terjemahan iaitu 中断 (putus)， 囚禁 （dikurung）， 征服 (menakluk)， 破坏 (merosakkan)， 干涉(mengganggu)，适应 (menyesuaikan)， 混乱(huru-hara)

1）句子/ 突然/ 因为/ 他 的 哽咽/ 而中断了。(T1-M5-B9)

Ayat/ tiba-tiba/ disebabkan/ dia tercekik/ lalu terputus.

Berdasarkan kamus, 中断 bermaksud tergendala atau terputus. Perkataan ini mendukung makna hilang atau lenyap. Berdasarkan ayat di atas, kata-kata tersebut terus terhenti.

2）真可惜/ 你被囚禁 / 在 银行。(T1-M10-B8)

Sayang / kamu ditawan/ di bank.

Berdasarkan contoh di atas, 囚禁 membawa maksud dikurung. Perkataan ini mendukung makna lama dan tidak berubah. Berdasarkan konteks ayat, keadaan Farid tidak berubah dan hanya terus-menerus bekerja dan terkurung di bank.

3）虽然/ 她 的 身型/ 娇小/，一连串 咆哮如雷 的 声音/ 却 能/ 征服 /这夜空 。(T2-M16-B27)

Walaupun/ bentuk badannya/ kecil, / suara yang kuat seperti guruh itu / mampu/ menakluk / langit malam

Berdasarkan contoh di atas, 征服 membawa maksud menakluk atau menundukkan. Perkataan ini juga diletakkan di bawah medan perlakuan dengan kuasa, dan mendukung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

makna tersebar dan meliputi kawasan yang luas. Suara yang bak dentuman guruh itu tersebar dan meliputi seluruh malam yang pada zahirnya adalah sunyi.

18）他/ 要/ 破坏/ 他们/ 对法里尔/ 的支持。(T14-M149-B12)

Dia/ mahu/ merosakkan/ sokongan mereka terhadap Farid

Berdasarkan ayat di atas, 破坏 membawa maksud merosakkan. Perkataan ini mendukung makna ganggu. Berdasarkan ayat, dia mahu memusnahkan sokongan yang diterima oleh Farid.

21）尽管/ 他们彼此都了解/ 他从不干涉/ 她的自由。T15-M164-B7

Walaupun/ mereka saling memahami/ dia tidak pernah mengganggu/ kebebasannya

33）他心里一阵混乱。T28-M329-B8

Hatinya/ huru-hara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada ayat 21 dan 33 seperti di atas, kedua-duanya mendukung makna mengganggu tetapi dengan menggunakan perkataan yang berbeza. 干涉 bermaksud menyekat, manakala 混乱 bermaksud huru-hara. Daripada ayat 21, Farid tidak pernah mengganggu kebebasan tunangnya dan pada ayat 33, hatinya terganggu disebabkan masalah yang mendatang.

30）这村子慢慢地在适应。(T23-M276-B3)

Kampung ini/ perlahan-lahan/ menyesuaikan diri

Daripada ayat 30, perkataan 适应 membawa maksud menyesuaikan. Perkataan ini tergolong dalam medan perlakuan dengan kuasa kerana kekuatan mental diperlukan untuk menawan keadaan sekeliling. Perkataan ini mendukung makna perlahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan ayat, kampung ini perlahan-lahan menyesuaikan diri dengan arus permodenan.

c) Medan perlakuan dengan alat

Medan perlakuan dengan alat menyumbang empat metafora di dalam karya iaitu 遮盖（menutupi）, 掩饰 (mengaburi), 扣住 (dikancingkan), dan 挤压 (melenyek).

23）布汀/ 淡定的外表/ 遮盖了/ 他心中的忌妒和纳闷。T16-M173-B8

Budin/ luaran yang tenang/ menutup/ cemburu dan rasa tidak senang dalam hatinya.

24）布汀/ 开始用/ 响亮的声音/掩饰/ 他的急躁。 T16-M175-B4

Budin/ mula menggunakan/ suara yang kuat/ mengaburi/ kegelisahannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

31）一笑起来，/ 歪斜的眼睛/ 挤压在/ 脸 痴肥的肉。T26-M308-B1

Sebaik sahaja tersenyum, / mata yang sepet/ terpenvek di / daging muka yang berlemak

Daripada ayat 23, 遮盖 membawa maksud selindung atau melitupi. Perkataan ini diletakkan di bawah medan perlakuan dengan alat kerana sesuatu alat atau benda diperlukan untuk meliputi sesuatu. Perkataan ini mendukung makna tutup atau sembunyikan. Gelojak perasaan cumburu di hati Budin cuba ditutup oleh perwatakan Budin yang tenang. Berdasarkan contoh 24, 掩饰 juga mempunyai maksud yang sinonim dengan 遮盖. 掩饰 ialah mengaburi juga mendukung makna tutup. Suara Budin yang kuat cuba untuk menutup perasaan gelabahnya. Berdasarkan ayat 31, 挤压 yang membawa maksud menekan atau melecek juga membawa makna tutup. Berdasarkan ayat, matanya yang senget itu tertutup oleh lemak daging pipinya apabila dia ketawa.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

28）脑海/ 被各种民族的差异/ 扣住。T19-M217-B5

Lautan minda/ oleh perbezaan antara kaum/ dikancingkan.

Daripada ayat 28, 扣住 membawa maksud dikancingkan atau diikat. Perkataan ini merupakan perlakuan dengan menggunakan alatan seperti tali pinggang untuk mengancingkan sesuatu. Perkataan ini mendukung makna tetap, berdasarkan ayat yang diberikan otak Farid tertumpu atau tetap pada perbezaan bangsa.



Rajah 4.9 Rumusan Medan Sumber Manusia Metafora BC

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2.2 Alam sebagai Medan Sumber

Berdasarkan data untuk metafora BC, pecahan bagi alam sebagai medan sumber tidak sebanyak metafora BM. Selepas analisis, hanya 4 sahaja pecahan berbanding 6 pecahan dalam BM. Empat pecahan tersebut ialah api, air, objek dan juga angin. Penjelasan bagi setiap pecahan tersebut adalah seperti di bawah.

a) Api

Medan api hanya menyumbangkan dua metafora, namun kedua-duanya merupakan perkataan yang sama. Kedua-duanya dikekalkan kerana data metafora BC adalah berdasarkan terjemahan daripada metafora BM.

6）他的 内心/ 感觉 到/ 有 一股 新 的 力量/ 在 燃烧。(T3-M33-B12)

Di dalam hatinya/ merasakan/ ada segumpal semangat baru/ yang sedang membakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

25）一股怒气/ 在他心中/ 燃烧。(T16-M179-B21)

Angin kemarahan/ di hatinya/ membakar

Daripada ayat 6, 燃烧 beerti membakar, perkataan ini mendukung makna menakluk. Berdasarkan ayat tersebut, satu semangat baru telah menakluk dan memenuhi hatinya, manakala daripada ayat 25, angin kemarahan menakluk hatinya.

b) Air

Air menyumbang 5 metafora dalam data BC. Daripada kelima-lima metafora tersebut, tiga metafora merupakan perkataan yang sama iaitu 涌上， 涌入 dan 涌入 yang membawa maksud menghambur. Dua lagi metafora medan air ialah 浮现 （timbul）dan 淹没（menenggelamkan）.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

16）热腾腾的血液/ 涌入/ 他的面孔。(T13-M147-B5)

Darah yang panas mendidih/ menghambur masuk/ ke wajahnya.

19）他 感到/ 一股热血/ 涌入体内。（T14-M150-B19）

Dia merasakan/ darah panas/ menghambur ke dalam badannya.

17）目睹/ 他们的行动/， 布汀/一股妒忌之心/涌上心头。(T14-M149-B11)

Melihatkan/ pergerakan mereka/, Budin/ segumpal perasaan cemburu/ menghambur naik ke hati.

Daripada ayat 16, 涌入 atau 涌上 membawa maksud menghambur, perkataan-perkataan ini mendukung makna laju atau deras. Berdasarkan dua ayat teratas iaitu ayat 16 dan 19, darah menghambur ke muka dan ke dalam badan. Dalam ayat 17 pula, perasaan cemburu menghambur ke hati. Ketiga-tiga ayat ini memberikan persepsi bahawa perasaan marah yang digantikan dengan darah yang panas menakluk muka dan badan dengan cepat. Perasaan cemburu juga laju menyerang ke hati.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4）这 句 话/ 一整天/ 都 在 他 脑海 中/ 浮现。尤其/ 是 当 老师/ 骂 她/ 没有 携带/ 需要 的 书 时/， 显得 /特别 的 响亮。(T2-M20-B20)

Ayat ini/ seharian/ di lautan otaknya/ timbul. / Terutama/ ketika cikgu memarahinya/ tidak bawa/ buku yang diperlukan, / kedengaran lebih nyaring

Daripada ayat 4, 浮现 membawa maksud timbul di air. Perkataan ini mendukung makna hadir atau wujud. Berdasarkan ayat tersebut, kata-kata tersebut seharian hadir di mindanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

27）这座山/景色迷人，/ 但今夜/ 漆黑的夜幕/ 把整座山/ 淹没了。(T18-M195-B2)

Bukit ini/ pemandangan cantik/, tetapi malam ini/ tirai malam yang hitam/ membuatkan seluruh bukit/ tenggelam.

Daripada ayat 27, 淹没 bermaksud tenggelam. Perkataan ini mendukung maksud tutup atau lenyap. Berdasarkan ayat 27, malam yang gelap telah meliputi pemandangan bukit tersebut yang diandaikan seperti telah tenggelam.

c) Angin

Angin merupakan salah satu unsur alam yang dikenali juga sebagai udara. Medan angin hanya menyumbangkan satu sahaja metafora dalam kajian ini.

13）心坎里/ 有股/ 强烈的/ 怒气。(T7-M70-B26)

Dalam hati/ ada segumpal/ angin kemarahan yang kuat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada ayat 12, 怒气 bermaksud angin kemarahan. Angin di sini memberi persepsi negatif sama seperti api, dan kebiasaanya dikaitk an dengan kemarahan. Dalam BC, marah ialah 生气 atau dari segi harfiah ialah 生 tumbuh 气 angin. BM juga menggunakan angin dalam menunjukkan kemarahan seperti frasa naik angin. 气 di sini mendukung makna bergerak. Berdasarkan ayat, kemarahan itu seperti angin bergerak-gerak di dalam hatinya.

d) Objek

Medan objek menyumbangkan 4 perkataan pada metafora bahasa Cina berdasarkan data iaitu 印 （cop），剧本（skrip），黑幕（tabir hitam）dan 进入轨道（masuk landasan）atau kereta api. Objek-objek ini mendukung makna yang berbeza-beza dalam ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7）但/ 它 的 故事/ 却 牢牢地印 在 /他 的 心和脑 里。(T4-M46-B11)

Tetapi/ kisahnya/ cop dengan kukuh/ di hati dan mindanya.

Berdasarkan ayat di atas, 印 bermaksud cop, perkataan ini mendukung makna kukuh. Ayat di atas bermaksud, cerita tersebut melekat kukuh dalam hati dan mindanya.

9）它/ 犹如/ 一位预言家/， 正在 全面/ 研究/ 人的命运/和人生的剧本。(T5-M58-B11)

Dia/ seperti/ seorang penilik nasib, / sedang/ menyeluruh/ mengkaji/ nasib manusia/ dan /skrip kehidupan manusia.

Berdasarkan ayat di atas, 剧本 bermaksud skrip. 人生的剧本 atau skrip kehidupan manusia. Skrip mendukung makna cerita atau kisah. Skrip kehidupan manusia bermaksud kisah-kisah kehidupan manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15）长夜漫漫/，在它的黑幕下/，万户家庭的生活/ 无所遁形/，有笑也有泪。(T11-M121-B13)

Malam yang panjang, / di bawah tabir hitamnya/, berjuta keluarga/ kehidupan/ tidak bersegi, / ada ketawa dan juga air mata.

Berdasarkan ayat 15, 黑幕 bermaksud tabir hitam. Tabir hitam dalam konteks ayat merujuk kepada kegelapan malam. Tabir hitam mendukung makna tutup atau simpan. Berdasarkan ayat, di bawah kegelapan malam, tersimpan jutaan cerita manusia.


26）他 确实/ 非常失望/ 听到/ 他要辞去/ 不久前刚进入轨道/ 的两个委员会/ 辞职。(T17-M188-B18)

Dia pastinya/ sangat kecewa/ mendengar / dia ingin meletak/ baru masuk landasan/ dua persatuan/ jawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan ayat, 刚进入轨道 bermaksud baru masuk landasan. Landasan kebiasaan digunakan pada jalan kereta api atau laluan kapal terbang. Masuk landasan merujuk kepada objek yang baru masuk ke landasan seperti contoh kereta api, oleh itu metafora ini diletakkan di bawah medan objek. Masuk landasan mendukung makna stabil atau kukuh. Daripada ayat di atas, persatuan-persatuan itu dikatakan baru masuk landasan yang bermaksud baru mula stabil atau mula untuk menapak kukuh.



Rajah 4.10 Rumusan Medan Sumber Alam Metafora BC

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Perubahan Medan Sumber Metafora daripada BM ke BC

Selepas medan sumber metafora BM dan BC dikenal pasti, pengkaji akan menganalisis perubahan medan sumber metafora yang terhasil daripada data metafora dan terjemahan tersebut. Berdasarkan analisis, terdapat empat jenis terjemahan perubahan berdasarkan medan sumber yang terdapat dalam kajian seperti dalam jadual 4.4.

Jadual 4.3 Pecahan Perubahan Terjemahan Metafora

No	Perubahan medan sumber	Keseluruhan	%	Pecahan sama	%	Pecahan berbeza	%
1.	Terjemahan medan manusia kepada medan manusia	15	45.4	6	18.2	9	27.2
2.	Terjemahan medan alam kepada medan alam	6	18.2	2	6.1	4	12.1
3.	Terjemahan medan manusia kepada medan alam	6	18.2	-	-	-	-
4.	Terjemahan medan alam kepada medan manusia	6	18.2	-	-	-	-

Daripada jadual 4.3, pengkaji mendapati terjemahan medan manusia kepada manusia paling tinggi, iaitu sebanyak 45.4%, peratusan mengikut pecahan medan pula ialah 18.2% bagi pecahan sama dan 27.2% bagi pecahan berbeza. Terjemahan medan alam kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

medan alam ialah sebanyak 18.2%, peratusan mengikut pecahan medan pula 6.1% bagi pecahan sama manalah 12.1% bagi pecahan berbeza. Seterusnya, terjemahan medan manusia kepada medan alam dan medan alam kepada medan manusia ialah sebanyak 18.2%.

Jadual 4.4 Perubahan Medan Sumber Metafora

Terjemahan medan sumber	Perubahan (✓/✕)	Peratus (%)
• Terjemahan medan manusia kepada medan alam • Terjemahan medan alam kepada medan manusia • Terjemahan medan manusia kepada medan manusia (pecahan berbeza) • Terjemahan medan alam kepada medan alam (pecahan berbeza)	✓	75.7
• Terjemahan medan manusia kepada medan manusia (pecahan sama) • Terjemahan medan alam kepada medan alam (pecahan sama)	✕	24.3

Berdasarkan jadual di atas, metafora yang mengalami perubahan adalah merangkumi, (1) terjemahan medan manusia kepada medan alam; (2) terjemahan medan alam kepada medan manusia; (3) terjemahan medan manusia kepada medan manusia dengan pecahan berbeza; (4) terjemahan medan alam kepada medan alam dengan pecahan berbeza. Oleh itu, terjemahan metafora yang telah mengalami perubahan medan sumber ialah sebanyak 75.7%, manakala terjemahan yang tidak mengalami perubahan medan sumber ialah sebanyak 24.3% iaitu yang terdiri daripada, (1) terjemahan medan manusia kepada medan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia dengan pecahan sama dan juga (2) terjemahan medan alam kepada medan alam dengan pecahan sama.

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terjemahan S5 iaitu strategi menterjemahkan metafora kepada pengertian semata-mata merupakan strategi yang paling kerap diaplikasi dalam terjemahan BM-BC iaitu sebanyak 47%. Daripada analisis terhadap medan sumber metafora, metafora BM dan BC lebih banyak bersumberkan medan manusia berbanding medan alam, peratusan kedua-duanya adalah sama iaitu 64% medan manusia dan selebihnya 36% ialah medan alam. Seterusnya, berdasarkan medan sumber metafora, sebanyak 75.7% metafora telah mengalami perubahan medan sumber dalam terjemahan daripada BM ke BC.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab sebelum ini, pengkaji telah membincangkan strategi terjemahan metafora dalam karya *Merpati Putih Terbang Lagi* dan terjemahannya *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang*. Seterusnya, daripada strategi menterjemah metafora dengan menggantikan imej yang lain (S2), pengkaji telah meneliti medan sumber antara metafora BM dan BC. Akhir sekali, berdasarkan dapatan tersebut pengkaji melihat sama ada berlaku perubahan dalam medan sumber daripada BM ke BC. Dalam bab yang terakhir ini, pengkaji akan membincangkan dan menyimpulkan dapatan kajian secara keseluruhan yang merangkumi dua persoalan kajian yang telah dikemukakan. Bab ini mengandungi tiga pecahan iaitu perbincangan dan kesimpulan mengenai persoalan kajian, impak kajian serta cadangan kajian pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Kesimpulan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati pelbagai jenis strategi terjemahan berdasarkan Pendekatan Terjemahan Newmark (1981) telah diaplikasikan dalam terjemahan metafora antara BM-BC. Namun begitu, strategi terjemahan yang paling banyak digunakan iaitu hampir separuh daripada jumlah keseluruhan metafora ialah strategi menterjemahkan metafora kepada pengertian semata-mata (S5) manakala strategi terjemahan mengekalkan metafora dan disertakan dengan pengertian (S7) tidak digunakan dalam karya ini. Seterusnya daripada strategi menterjemah metafora dengan menggantikan imej yang lain (S2) pula, terdapat metafora-metafora yang telah diterjemahkan kepada *chengyu* atau peribahasa empat perkataan berstruktur tetap dalam BC, terjemahan ini membuktikan penterjemah mementingkan gaya bahasa dan nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

estetika yang indah dalam karya bahasa sasaran supaya lebih mesra dan dekat dengan pembaca. Daripada data S2 juga, setelah dikeluarkan data terjemahan kepada *chengyu,* lebihan data terjemahan yang lain telah dianalisis medan sumber metaforanya. Berdasarkan analisis tersebut, dapat dilihat bahawa metafora BM dan BC lebih banyak bersumberkan manusia berbanding alam. Metafora dalam kedua-dua bahasa juga mempunyai peratusan yang sama antara medan sumber manusia dan medan sumber alam. Setelah medan sumber dikenalpasti, perubahan medan sumber yang berlaku daripada terjemahan metafora BM kepada metafora BC ditentukan, ternyata 3/4 daripada keseluruhan metafora telah mengalami perubahan medan iaitu daripada medan sumber manusia kepada medan sumber alam, medan sumber alam kepada medan sumber manusia serta pecahan medan sumber manusia dan alam yang tidak diterjemahkan ke dalam pecahan yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1 Persoalan Kajian 1

Untuk soalan kajian yang pertama, pengkaji telah mengenal pasti 6 daripada 7 strategi terjemahan metafora telah digunakan berdasarkan Strategi Terjemahan Newmark (1981) dalam *Merpati Putih Terbang Lagi* dan terjemahannya *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang*. Peratusan strategi yang digunakan secara keseluruhannya dibentangkan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.1 Peratusan Strategi Terjemahan Metafora

Strategi	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7
Peratus	5.5%	26.8%	2.4%	1.2%	47%	11%	0%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual di atas, strategi yang paling kerap digunakan ialah S5, diikuti dengan S2, S6, S1, S3 manakala strategi yang paling kurang digunakan ialah S4. Selain daripada itu, strategi yang tidak digunakan pula ialah S7. Strategi yang paling kerap digunakan iaitu S5 merupakan terjemahan kepada pengertian semata-mata. Strategi ini paling mudah digunakan dan paling sesuai untuk menyampaikan makna metafora daripada karya bahasa sumber tanpa perlu terikat dengan gaya bahasa bahasa sumber. Kajian-kajian terjemahan sebelum ini juga mempunyai dapatan yang hampir sama iaitu kajian oleh Jaafar Jambi (2001) yang mendapati strategi yang paling banyak dilakukan ialah strategi menterjemahkan tanpa imej atau unsur-unsur bahasa kiasan iaitu sebanyak 52.7%, manakala dalam kajian Suziana Mat Saad (2005) yang melihat terjemahan BM–bahasa Perancis pula menyatakan strategi menterjemahkan makna metafora sahaja adalah yang paling kerap digunakan dalam kajian iaitu sebanyak hampir 49% diterjemahkan dengan kaedah ini. Melihat kepada peratusan yang hampir sama dalam ketiga-tiga kajian boleh disimpulkan bahawa strategi ini merupakan strategi yang paling disukai oleh penterjemah walaupun dalam terjemahan mana-mana bahasa.

Seterusnya, S2 merupakan strategi kedua yang paling kerap digunakan iaitu melebihi 1/4 daripada kesemua metafora. S2 ialah terjemahan metafora dengan menggunakan imej lain yang sama maksud. Penggunaan strategi ini yang kerap membuktikan terdapat metafora BC yang mempunyai makna yang setara dan boleh digunakan untuk menggantikan metafora BM. Daripada data S2, terdapat 11 metafora yang diterjemahkan kepada *chengyu*. *Chengyu* merupakan peribahasa yang sangat unik dan melambangkan kebudayaan BC. Penggunaan c*hengyu* membuatkan pembacaan menjadi lebih berirama, dan penggunaan yang kerap juga menjadikan sesuatu teks itu lebih menarik. Tambahan pula, *chengyu* berkemampuan untuk muncul dalam kelas-kelas kata yang berbeza, dan sedia dimasukkan ke dalam teks tanpa menjejaskan nada tekstersebut. Ini menjelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang kelaziman *chengyu* itu muncul dalam teks-teks BC atau terjemahan ke dalam BC (Ho et. al., 2014). Penterjemahan metafora kepada *chengyu* menyukarkan pengkaji untuk menentukan medan sumbernya kerana *chengyu* mempunyai struktur yang tetap dan tidak boleh dipecah-pecahkan.

Selanjutnya, S6 pula merupakan strategi ketiga yang paling banyak digunakan oleh penterjemah karya ini. S6 ialah pengguguran metafora. Kebanyakan metafora yang digugurkan tidak memberi kesan secara langsung terhadap makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Seperti contoh, 'Ah, begitu jauh dia memikirkan dua gadis yang sedang *bermain* di hatinya!' (A15-M254-B20), diterjemahkan ke dalam BC seperti berikut, 他心里不停地想着这两位女人(T15-M169-B10), penjelasan mengenai gadis yang sedang bermain di hatinya digugurkan dan tidak diterjemahkan ke dalam teks sasaran kerana tidak memberi kesan terhadap maksud yang ingin disampaikan oleh ayat tersebut, namun begitu, gaya estetika tidak dikekalkan dan berlaku pengurangan makna daripada bahasa sumber.

Strategi seterusnya yang digunakan adalah S1, S3 dan S4, ketiga-tiga strategi ini mempunyai peratusan yang kurang daripada 10%. Pengekalan metafora tidak dapat dilakukan dengan kerap kerana BM dan BC merupakan bahasa daripada rumpun yang berlainan dan semestinya masih terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua bahasa. Selain itu, penterjemahan metafora kepada perumpamaan juga kurang dibuat kerana penterjemah lebih memilih untuk mengekalkan atau menggugurkan metafora, bukan kedua-duanya sekali. Ini juga merupakan penjelasan mengapa S7 langsung tidak digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Persoalan Kajian 2

Dalam persoalan kajian kedua, berdasarkan analisis medan sumber metafora BM dan BC, dapat dilihat bahawa metafora BM dan BC lebih banyak bersumberkan manusia berbanding alam. Daripada analisis medan sumber terhadap karya BM dan terjemahan BC, kedua-duanya mempunyai peratusan yang sama iaitu medan manusia mewakili 64% manakala medan sumber alam pula sebanyak 36%. Namun begitu, kedua-dua medan ini mempunyai perkaitan yang rapat dan sukar untuk membezakan keduanya. Seperti yang dinyatakan oleh Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) bahawa terdapat unsur alam yang boleh menerangkan sifat manusia dan begitu juga sebaliknya, seperti contoh membakar (A15-M243-B11) diletakkan di bawah medan api, tetapi boleh juga diletakkan di bawah medan perlakuan manusia.

Seterusnya, dapatan daripada analisis medan sumber digunakan untuk melihat perubahan medan daripada metafora BM kepada terjemahan metafora dalam BC. Secara keseluruhannya, sebanyak 75.7% metafora mengalami perubahan medan daripada BM kepada BC, manakala lagi ¼ ataupun 24.3% tidak mengalami perubahan medan sumber walaupun imej yang digunakan berbeza. Seperti contoh, menyekat diterjemahkan kepada 干涉 *(campur tangan)*, kedua-duanya berada di bawah medan yang sama iaitu medan perlakuan dengan kuasa. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa, terjemahan metafora dari BM ke BC tidak memerlukan penggunaan medan yang sama dalam menggantikan metafora daripada BM kepada metafora BC. Terdapat persamaan yang rapat antara BM dan BC kerana kepelbagaian metafora dalam BC boleh digantikan pada metafora yang terdapat dalam BM. Dapatan ini memberi gambaran bahawa terjemahan antara kedua-dua bahasa ini tidaklah terlalu sukar atau untuk dijalankan. Penterjemah dilihat bebas berkarya dalam menterjemahkan karya *Merpati Putih Terbang Lagi* kepada *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang*. Penterjemah mementingkan kefahaman pembaca pada masa sama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengekalkan keindahan gaya bahasa dalam BC. Hal ini dapat dibuktikan apabila terjemahan metafora kepada pengertian semata-mata dilakukan sebanyak 47%, penggunaaan chengyu dalam terjemahan ke dalam BC dan juga pemilihan metafora daripada medan ataupun pecahan medan yang berbeza daripada metafora dalam karya BM.

a) Perubahan daripada medan manusia kepada medan alam

Jadual 5.2 Peratusan Terjemahan Medan Manusia kepada Medan Alam

Perubahan medan sumber	Jumlah	Peratus (%)
Terjemahan medan manusia kepada medan alam	6	18.2

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, antara perubahan medan sumber metafora yang berlaku adalah daripada medan manusia kepada medan alam. Perubahan ini berjumlah sebanyak 18.2% daripada keseluruhan metafora. Walaupun berlaku perubahan medan, namun metafora yang berasal daripada perlakuan manusia boleh bertukar kepada medan alam tanpa menjejaskan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Contoh yang boleh dipetik daripada karya yang dikaji seperti 'Rasa jeleknya mencucuk-cucuk di tangkal jantung' (A16-M273-B14) diterjemahkan kepada 一股怒气在他心中燃烧 (Angin kemarahan membakar di dalam jantungnya). (T16-M179-B21). Daripada ayat tersebut, mencucuk-cucuk yang merupakan perlakuan manusia dengan objek yang tajam tidak diterjemahkan kepada 刺 atau 扎 yang membawa maksud yang sama tetapi digantikan dengan 燃烧（membakar）yang berada di bawah medan api. Dari segi literal kedua-dua perkataan itu membawa maksud yang berbeza, namun kedua-dua perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masih memberikan pemahaman yang sama dalam ayat iaitu membawa maksud sesuatu proses yang menyakitkan.

b) Perubahan daripada medan alam kepada medan manusia

Jadual 5.3 Peratusan Terjemaahan Medan Alam kepada Medan Manusia

Perubahan medan sumber	Jumlah	Peratus (%)
Terjemahan medan alam kepada medan manusia	6	18.2

Selain daripada itu, perubahan medan sumber juga berlaku daripada medan alam kepada medan manusia, dan peratusan perubahan ini juga sama dengan peratusan perubahan medan manusia kepada medan alam iaitu sebanyak 18.2%. Contoh dapat dilihat daripada karya ialah pada tagging A15-M243-B11, 'Darah mudanya membakar di seluruh urat sarafnya' yang diterjemahkan kepada 他感觉到一股热血在他全身流窜。 (T15-M163-B3). Daripada contoh ini, membakar tidak digantikan dengan 燃烧 dalam BC tetapi digantikan dengan 流窜。'Membakar' berada di bawah medan api manakala 流窜 membawa maksud melarikan diri dan berada di bawah medan perlakuan manusia. Berdasarkan konteks ayat, penulis ingin menyampaikan bahawa proses darah bergerak ke seluruh badan dengan laju. 'Membakar' merupakan satu proses yang berlaku dengan pantas, manakala 流窜 juga membawa makna pantas. Oleh itu, kedua-duanya masih mendukung makna sama iaitu bergerak pantas walaupun berada di bawah medan yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Perubahan daripada medan manusia kepada medan manusia dengan pecahan berbeza

Jadual 5.4 Peratusan Terjemahan Medan Manusia kepada Medan Manusia

Perubahan medan sumber	Jumlah	(%)	Pecahan sama	(%)	Pecahan berbeza	(%)
Terjemahan medan manusia kepada medan manusia	15	45.4	6	18.2	9	27.2

Secara keseluruhannya, terjemahan medan manusia kepada medan manusia mempunyai peratusan sebanyak 45.5%, tetapi di bawah medan manusia, terdapat 3 pecahan medan sumber iaitu perlakuan dengan anggota, perlakuan dengan alat dan perlakuan dengan kuasa. Sehubungan itu, perbincangan perubahan ini hanya melibatkan mana-mana perkataan dalam BM yang diterjemahkan dalam pecahan medan yang berbeza sahaja. Daripada jadual di atas, peratusan terjemahan medan manusia kepada medan manusia ialah sebanyak 27.2% daripada keseluruhan metafora. Contoh bagi perubahan ini ditunjukkan dalam karya di bawah tagging A6-M90-B26, 'Farid juga *mengukir* sebuah senyuman yang paling mesra untuk wakil rakyat yang menjadi lintah darat ini.' diterjemahkan kepada 法里尔 尽其所能 **挤出笑容** 回应 这位吸血政客 (T6-M61-B27).

Mengukir senyuman diterjemahkan kepada 挤出笑容 (memerah senyuman). Berdasarkan konteks ayat, pelaku terpaksa untuk senyum. 'Mengukir' dan 挤出 merupakan satu perbuatan yang sukar untuk dilakukan. Oleh itu, kedua-duanya masih mendukung makna yang serupa walaupun berada dalam pecahan medan yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d) Perubahan daripada medan alam kepada medan alam dengan pecahan berbeza

Jadual 5.5 Peratusan Terjemahan Medan Alam kepada Medan Alam

Perubahan medan sumber	Jumlah	(%)	Pecahan sama	(%)	Pecahan berbeza	(%)
Terjemahan medan alam kepada medan alam	6	18.2	2	6.1	4	12.1

Daripada analisis, terjemahan medan alam kepada medan alam adalah sebanyak 18.2%, namun begitu, di bawah medan alam, terdapat 7 pecahan iaitu, medan air, medan api, medan angin, medan tumbuhan, medan haiwan, medan kehidupan dan medan objek. Sehubungan itu, perbincangan ini hanya melibatkan mana-mana perkataan dalam BM yang diterjemahkan dalam pecahan medan yang berbeza sahaja. Contoh bagi perubahan ini boleh dilihat pada A14-M225-B21, 'darah menjalar ke seluruh badan' diterjemahkan kepada 他感到一股热血**涌入**体内 (T14-M150-B19). Berdasarkan ayat di atas, 'menjalar' berada di bawah medan tumbuhan, dan terjemahannya 涌入 (menghambur) berada di bawah medan air. Berdasarkan konteks, ayat tersebut menyatakan darah bergerak ke seluruh badan. 'Menjalar' dan 涌入 kedua-duanya membawa maksud bergerak dan bertebaran ke seluruh kawasan lingkungan. Oleh itu, kedua-duanya perkataan ini masih berkongsi makna yang sama walaupun berada di bawah pecahan yang berbeza.

5.3 Impak Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian penterjemahan metafora yang berskala kecil yang dijalankan terhadap karya *Merpati Putih Terbang Lagi* dan *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang*, namun begitu, Hasil analisis kajian ini mampu memberi gambaran sebenar bagaimana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amalan terjemahan BM-BC dijalankan di Malaysian terutamanya strategi terjemahan metafora yang digunakan oleh penterjemah. Terdapat sebanyak 164 metafora sahaja yang dianalisis dalam kajian ini. Melalui sampel tersebut, kajian ini berupaya membantu kita untuk melihat cara-cara terjemahanan metafora yang dikatakan sebagai bahagian yang sukar dalam terjemahan (Newmark, 1981). Data menunjukkan penterjemah lebih banyak menggunakan strategi terjemahan kepada pengertian semata-mata. Hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak yang ingin membuat terjemahan antara BM dan BC supaya lebih bebas berkarya dalam proses penterjemahan, penterjemah boleh terus menyampaikan maksud sahaja tanpa perlu menambahkan kesulitan dengan berusaha mengekalkan gaya estetika karya bahasa sumber. Selain itu juga, daripada kajian ini boleh dilihat bahawa penterjemah juga banyak menggunakan strategi menterjemahkan metafora dengan menggantikan imej yang lain (S2). Oleh itu, sekiranya tiada padanan yang sama untuk menggantikan metafora tersebut, mana tidak menjadi satu kesalahan sekiranya penterjemah ingin menggantikan perkataan lain untuk menterjemahkan metafora tersebut.

Berdasarkan kajian terhadap medan sumber metafora BM dan BC, dapat dilihat bahawa medan manusia lebih banyak digunakan berbanding medan alam, manakala medan sumber tersebut boleh berubah-ubah dan tidak perlu dikekalkan ketika menterjemahkan metafora tersebut kepada imej yang lain. Sebanyak 3/4 metafora telah mengalami perubahan medan apabila terjemahan dibuat daripada BM ke BC yang merangkumi perubahan daripada medan alam kepada medan manusia, medan manusia kepada medan alam, medan manusia kepada manusia dengan pecahan berbeza, dan juga medan alam kepada medan alam dengan pecahan berbeza. Oleh itu, penemuan ini diharap agar dapat memberikan maklumat yang tepat kepada pelajar mahu pun bakal-bakal penterjemah dalam menjalankan terjemahan antara BM ke BC.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Cadangan Kajian

Berpandukan kajian ini, pengkaji melihat terdapat banyak ruang dan cabang kajian yang boleh dijalankan terhadap terjemahan metafora antara BM dan BC. Pengkaji menggalakkan supaya terjemahan akan datang akan melihat kepada skala yang lebih besar atau berpandukan karya yang pelbagai. Seterusnya, kajian ini hanya melihat kepada strategi terjemahan dan perubahan medan sumber, pengkaji akan datang juga boleh melihat bagaimana penterjemah mengimbangi kehilangan nilai estetik dan figuratif dalam karya sumber kepada karya terjemahan apabila menterjemahkan kepada makna semata-mata. Selain daripada sudut semantik, kajian terjemahan metafora juga boleh dikupas daripada bidang pragmatik, morfologi atau sintaksis. Kajian mengenai terjemahan metafora terutamanya dalam BM-BC sangat signifikan dan penting dalam kelompok masyarakat Malaysia. Kajian antara kedua-dua bahasa ini juga masih terhad dan masih banyak cabang-cabang yang boleh diterokai. Oleh itu, pengkaji mengharapkan supaya lebih banyak pengkaji yang akan menjalankan kajian terjemahan antara BM-BC.

5.5 Penutup

Penyelidikan ini merupakan salah satu usaha melihat kepada pemikiran BM-BC melalui terjemahan metafora yang dijalankan. Metafora merupakan satu unsur yang kompleks yang terdapat dalam kesemua bahasa di dunia, justeru itu, tiada kaedah yang paling tepat dalam mengkaji fenomena terjemahan metafora antara dua bahasa kerana setiap bahasa berbeza daripada sudut struktur bahasa, fungsi dan juga konteks asal kewujudkan metafora tersebut. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sedikit sumbangan dalam dunia terjemahan yang luas ini dan merapatkan jurang persefahaman antara dua bahasa yang utama di Malaysia ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

A. Rahim Abdullah. (1993). Puisi dan Bahasa Kiasan. *Dewan Siswa*, *23*(5), 66-67.

Abdullah Hassan (2005). *Linguistik Am.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdul Rahman Mandali & Hasuria Che Omar. (2015). Aspek metafora dalam Rentong dan Srengenge: Analisis kaedah terjemahan dan pemindahan makna. *Jurnal Bahasa, 15*(2).

Ainon Mohammad & Abdullah Hassan. (2004). *Teori dan teknik terjemahan.* Bentong: PTS Professional & Distributors.

Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1988). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Asmah Haji Omar. (1996). Metaphors of anatomy as a reflection of Malay cultural belief. *Jurnal Bahasa Jendela Alam, 1,* 7-20.

Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Bell, R.T. (1991). *Translation and translating: theory and practice (applied linguistics and language study)*. New York: Longman.

Bell, R. T. (2012) *Terjemahan : Produk dan Proses.*(Zuraidah Ibrahim dan Syed Nurul Akla Syed Abdullah, Penterj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. (Teks asal diterbitkan pada 1991).

Cameron, L. & Low, G. (1999). *Researching and applying metaphor*. Cambridge: Cambridge University Press.

Catford, J.C. (1965). *A Linguistic Theory of Translation. An essay in applied linguistics.* London: Oxford University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chai, Z. L. (2018). Guang gao zhong de yin yu fan yi fen xi. *Overseas English,18,* 12-13.
Cheng Yu Da Ci Dian (Kamus Besar Chengyu). (2007). Beijing: Shangwu Yinshuguan.

Chong, O. C. & Vijayaletchumi Subramanian. (2014). Medan maklumat dalam kamus ekabahasa Melayu. *International Conference on Languages, Linguistics, and Society 2013.* Diperoleh daripada https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.246

Crystal, D. (2008). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Oxford: Blackwell.

Dagut, M.B. (1976). Can "Metaphor" Be Translated? *Babel. 22*(1).

Goh, S. S. (2007). *Kebolehterjemahan Aspek-aspek Budaya dalam Terjemahan 'Shui Hu Zhuan'*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Goh, S. S. (2011). Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina- Bahas Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan. *GEMA Online Journal of Language Studies*. *11*(1), 35-36.

Goh, S. S. (2012). Kebolehterjemahan Budaya Tabiat Bahasa Cina-Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*. *12*(1), 183-199.

Goh, S. S. (2015). Sejarah Terjemahan Karya Melayu di China. *Melayu:Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 8*(1), 121-136. diperoleh daripada http://myjms.mohe.gov.my/index.php/Melayu/article/view/4503

Goh, S. S. (2015). Sejarah Terjemahan Karya Melayu di China. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. 8*(1), 121-136.

Grice, H. P. (1975). *Logic and Conversation. In Syntax and Semantics, 3: Speech Acts*, ed. P. Cole and J. Morgan. New York: Academic Press.

Hafner, K., Jaret, P., Liptak, A., & Rai, S. (2006). Studying a 'Strategic' Language. *New York Times Upfront, 138*, 6-6.

Han, F. (2017). Metaphors in English and Chinese. *Academic Exchange Quarterly*, *21*(1), 72-77.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hatch, E., & Brown. S. (1995). *Vocabulary, Semantics, and Language Education*. New York: Cambridge University Press.

Hawkes T. (1972). *Metaphor*. London: Methuen & Co. Ltd.

Ho, W. Y., Kng, C., Wang, S. & Bond, F. (2014) Identifying idioms in Chinese translation. International Conference on Language Resources and Evaluation. Retrieved June 16, 2018, from https://bond-lab.github.io/pdf/2014-lrec-chengyu.pdf.

House, J. (2009). *Translation*. Oxford: Oxford University Press.

Ismail Jusoh. (2001). "*Bidang Penterjemahan: Satu Pengenalan*" dlm. monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Bil. 6 Julai 2001. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Jambi, Jaafar (2001) *Terjemahan bahasa kiasan dalam novel `Kokoro' dari bahasa Jepun ke bahasa Melayu: satu analisis.* (Tesis yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keris Mas (1990). *Perbincangan gaya bahasa sastera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khadijah Hashim (2012). *Merpati putih terbang lagi*. Shah Alam: K Publishing Shd Bhd. (Teks asal diterbitkan pada 1978).

Khadijah Hashim. (2010). *Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang*. (Yong Yoke Fong penterj.) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Kovecses, Z. (2007). *Metaphor and emotion: Language, culture, and body in human feeling.* New York: Cambridge University Press.

Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago and London: The University of Chicago Press.

Lao, Y. L. (2009). *Kajian metafora kata nama dan kata sifat dalam cerpen Bahasa Mandarin.* (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Larson, M. L. (1984). *Meaning-based Translation: A Guide to Cross-Cultural Equivalence.* Lanham: University Press of America.

Lehrer A. (1974). *Semantic Fields and Lexical Structure.* London: North-Holland Publising Company Ltd.

Lim, H. W. & Lim S. H. (2017). Sebutan bahasa Melayu oleh penutur Cina (Chinmalay) berdasarkan latar belakang persekolahan. *Jurnal Bahasa*, *17*(2), 334-358.

Liu, X. (2000). *An introduction to teaching Chinese as a foreign language.* Beijing: Beijing Language and Culture University Press.

Lobner, S. (2002). *Understanding Semantics*. London: Arnold Publishers.

Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa,* 18(1), 159-188.

Mata, R. & Tangkiengsirisin, S. (2018). The Strategies in Translating English Metaphors into Thai: A Case Study of the American Novel Percy Jackson. *Arab World English Journal for Translation & Literaty Studies*, *2*(2), diperoleh daripada https://ssrn.com/abstract=3186999.

Melati Desa & Hasuria Che Omar (2017). Kaedah Penterjemahan Metafora Bahasa Jepun kepada Bahasa Melayu dalam *Haiku Ni Okeru Basho No Kokoro*. *Jurnal Bahasa, 17*(1), 111-144.

Nathesan, S. (2003). Teori Semantik dan Kajian Kepustakaan Terhadap Semantik Leksikal. *Jurnal Bahasa, 3*(1), 108-135.

Nor Hashimah Jalaluddin. (1994). *Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: Satu analisis semantik dan pragmatik.* (Tesis yang tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Rashidin & Zuraidah Jatan. (2009). *Pengantar Prinsip Penterjemahan.* Petaling Jaya: August Publishing Sdn Bhd.

Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation.* Oxford: Pergamon.

Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation.* Harlow: Pearson Education Limited.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Newmark, P. (1992). (Zainab Ahmad & Zaiton Abdul Rahman penterj.) *Pendekatan Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. (Teks asal diterbitkan pada 1981).

Nida, E.A. (1964). *Towards a Science of Translating.* Leiden: E.J Brill.

Nida, E.A. (1982). *The Theory and Practise of Translation.* Leiden: E.J Brill.

Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2017). *Metafora anatomi dalam Bahasa Melayu.* (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Noraziah Abdul Aziz (2014). *Analisis Leksikal Budaya dalam Rimba Harapan dan Terjemahannya La Jungle De l'espoir*. (Disertasi yang tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Norizan Esa, Nordin Abd Razak, & Samsudin, M. A. (2013). Analisis data kuantitatif. Dalam Norini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam pendidikan*. Shah Alam, Selangor: Mc Graw Hill

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nurul Sabrina Zan. (2015). *Penterjemahan metafora bahasa Melayu ke bahasa Sepanyol melalui bahasa Inggeris.* (Tesis yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ortony, A. (1993). *Metaphor and thought*. Cambridge: Cambridge University Press.

Ogden, C. K. & Richard, I. A. (1923). *The meaning of meaning: A Study of the Influence of Language upon Thought and of the Science of Symbolism*. London: Routledge & Kegan Paul.

Pereltsvaig, A. (2012) *Language of The World*. Cambridge: Cambridge University Press.

Puteri Roslina. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Ritchie, L. David (2013) *Metaphor*. Cambridge: Cambridge University Press.

Richard, I. A. (1936). *The philosophy of rhetoric*. New York: Oxford University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Safarnejad, F., Imran Ho-Abdullah & Norsimah Mat Awal. (2018). Patterns of Translation of Sadness Metaphors from Persian into English: A Cognitive Analysis. *Pertanika. 26* (4), 2417 - 2434.

Sakina Sahuri Suffian Sahuri. (2000). *Manusia dan alam sebagai medan sumber metafora Melayu: Satu kajian semantik.* (Tesis yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Stefanowitsch, A. & Gries, S. T. (2006). *Corpus-based approaches to metaphor and metonymy.* Berlin: Mouton de Gruyter.

Sun, Y. & Li, L. (2019). Metaphor translation in China (1995-2018) : A bibliometrical survey. *Foreign Language and Translation, 2*, 7-14.

Suziana Mat Saad. (2005). *Terjemahan metafora Melayu ke bahasa Perancis: Analisis novel Salina.* (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran-Ho Abdullah. (2018). Metafora Konseptual Dan Manifestasi Linguistik Dalam Bahasa Melayu Dan Perancis: Satu Analisis Kognitif. *Gema Online Journal Of Language Studies. 18*(3).

Tetyana, O. (2014). Metaphor translation methods. *International Journal of Applied Science and Technology. 4*(1), 123-126.

Ullmann, S. (1966). *Words and their use.* Oxford: Howthorn Books.

Ullmann, S. (1972). *Semantics: An Introduction of the Science of Meaning*. Oxford: Basil Blackwell.

Xu, A. H. (2019). Zhong xi fang cha yi shi jiao xia ying han yin yu fan yi che lue yan jiu. *Journal of Overseas English.*

Wang, L. & Wang, S. (2013). A Study of Idiom Translation Strategies between English and Chinese. *Theory and Practise in Language Studies, 3*(9), 1691-1697.

Wu, Z. K. & Wang, Q. (1983). *Xian Dai Han Yu Ci Hui Gai Yao*. China: Neimenggu Renmin Chubanshe.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wu, Q. (1988). *Introduction to Semantics*. Changsha: Hunan Education Press

Wu, C. (1995). On the Cultural Traits of Chinese Idioms. *Intercultural Communication Studies*, 1, 61-84.

Zhang, D. & Lin, L. F. (2013) *A study on metaphor translation of Sheng Si Pi Lao,* diperoleh daripada DOI:10.16723/j.cnki.yygc.2013.07.006

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran A
Sumber data

1. Merpati Putih Terbang Lagi



2. Rang Bai Ge Zai Ci Fei Xiang




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran B
Sumber rujukan

1. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010)



2. Kamus Cina-Melayu Dewan (2013)



3. Xian Dai Han Yu Ci Dian (2012)



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran C
Data strategi terjemahan metafora

1. S1- Menterjemah metafora dengan menggunakan imej sama

No.	Tagging	Ayat bermetafora BM	Tagging	Ayat terjemahan BC
1.	A2-M22-B8	Aku tidak serajin orang, tidak berusaha untuk ***membaiki*** **taraf hidup** seperti yang dituduh oleh abang iparku.	T2-M15-B26	我姐夫/ 说/ 我/ 不像/ 其他人/ 一般/ 努力工作/，我没有/ 志气力求上进/ 以**改善我的生活水平**。 Abang iparku/ berkata/ aku/ tidak seperti/ orang lain/ seumpama/ rajin bekerja/, aku tiada/ semangat maju ke hadapan/ bagi memperbaiki taraf hidupku.
2.	A2-M24-B23	Di ***penjuru*** **dunia** mana, di tengah laut mana, di puncak gunung manakah letak duduknya nasib dirinya?	T2-M17-B17	**在世界的某个角落**，/在深海中/的最底层/或/ 在高山的顶峰。 Di penjuru dunia, / di lautan dalam/ paling bawah/ atau/ di puncak gunung tinggi.
3.	A2-M25-B2	Biar **dunia** ini ***terlungkup***.	T2-M17-B21	就让/ 这**世界**/ **颠倒**，/ 造成纷乱，/ 好让它变得公平。 Biar/ dunia ini/ terbalik, / akibatkan kekacauan,/ supaya ianya menjadi adil.
4.	A8-M121-B17	Pak Tamim, Pak Majid, Abang Jalal, Pak Long Kamid, dan yang lain-lain sama turun dari rumah tua di Simpang Empat ini mengringi	T8-M81-B21	达明伯，马吉伯， 嘉拉和卡密叔叔等人/ 随法里尔/ 从新邦恩拔的旧屋/ 走向/ 耐心**等待**主人的/ **菲亚特车**。

		Farid, orang harapan mereka yang berjalan menuju ke **kereta** Fiat yang ***tersandar*** tenang ***menanti*** tuannya.		Pak Tamim, pak Majid, Jalal dan Pak Long Kamid dan lain-lain/ mengikuti Farid/ daripada rumah lama Simpang Empat/ menghala ke/ menanti dengan sabar/ kereta Fiat.
5.	A8-M125-B1	Esok lusa mungkin **penyakit** itu ***menjalar*** ke kampung-kampung lain pula.	T8-M83-B25	这**弊病**/ 很可能会/ 很快地/ **蔓延到**/ 整个乡村综合地区。 Penyakit ini /sangat berkemungkinan /dengan cepat/ menjalar/ ke seluruh kawasan kampung
6.	A8-M127-B21	***Runtuh*** **hati** anak muda yang di tepi tingkap itu.	T8-M85-B14	阿酷斯/ **内心**/ **崩溃**。 Agus/ dalam hatinya/ runtuh.
7.	A18-M303-B10	***Api*** **kemarahan** suaminya sudah mula marak ***menyala***.	T18-M199-B1	她丈夫/ **满腔的怒火**/ 正在**熊熊燃烧**。 Suaminya/ penuh dengan api kemarahan/ sedang/ marak menyala.
8.	A18-M312-B8	Baderol yang pulang senyap-senyap tadi rupa-rupanya **kereta** Alfa Romeonya ***sakit***.	T18-M204-B16	原来/ 他的**阿法罗密欧**/ **生病**/ 躺在医院。 Rupa-rupanya/ kereta Alfa Romeonya/ sakit/ baring di hospital
9.	A23-M428-B12	Dan mungkin tidak lama lagi **ia** akan sambung ***berlari*** bersama-sama dengan kampung-kampung lain mengejar kemajuan dan kemakmuran di udara yang bebas dan merdeka ini.	T23-M276-B3	不久后，/ 它就可以/ 与其他村子/ **同步追求**/ **现代化和繁荣**，/ 共同享受/ 国家独立后/ 的新气息。 Tidak lama lagi, / dia pasti boleh/ bersama kampung lain/ sama melangkah mengejar/ kemodenan dan kemakmuran,/ bersama-sama

				menikmati/ selepas kemerdekaan negara/ udara baru.

2. S2- Menterjemah metafora dengan menggantikan imej yang lain yang sama maksud

No.	Tagging	Ayat bermetafora BM	Tagging	Ayat terjemahan BC	Catatan
1.	A1-M2-B4	**Bukit Putri** tetap ***berdiri*** gagah menempuh sebarang musim.	T1-M1-B10	公主山/ **稳如泰山地**/ 对抗/ 任何气候。 Bukit Putri/ kukuh berdiri/ menempuh/ sebarang musim	Chengyu
2.	A1-M7-B17	**Kalimat** itu ***mati*** tiba-tiba.	T1-M5-B9	**句子**/ 突然/ 因为/ 他的哽咽/ 而**中断了**。 Ayat/ tiba-tiba/ disebabkan/ dia tercekik/ lalu terputus	
3.	A1-M9-B11	**Sindiran tajam** itu ***menusuk*** terus ke ulu hatinya.	T1-M6-B15	这冷酷无情的一番话/ 像 被冬天的风，/ 狠狠地刮了一耳光，/ **恶意的讥讽**/ 让他**烙印切肤之痛**。 Ayat yang tidak berperasaaan ini/ seperti angin musim sejuk/ nemampar muka dengan kuat, / sindiran yang berniat buruk/ meninggalkan kesakitan yang mendalam kepadanya.	Chengyu

4.	A1-M15-B26	Tapi sayangnya **jiwa** yang selalu memberontak itu ***terperap*** di bank.	T1-M10-B8	真可惜/ **你被囚禁**/ 在银行。 Sayang/ kamu ditawan/ di bank	
5.	A1-M16-B24	**Fikirannya *melayang*** jauh ke soal bapa saudara dengan kemiskinannya.	T1-M11-B15	他**深思熟虑**/ ————思考到/ 舅父的贫穷，哥哥对民众的漠不关心，父亲的蛮横…… Dia berfikir dengan mendalam/ memikirkan/ kemiskinan pak ciknya,/ abangnya yang tidak ambil peduli nasib masyarakat,/ ayah yang sombong	Chengyu
6.	A2-M23-B23	Kuat sedikit **suara** perempuan berbadan kecil ini ***membelah*** ketenangan malam.	T2-M16-B27	虽然/ 她的身型/ 娇小，/ 一连串咆哮如雷的**声音**/ 却能**征服**/ **这夜空**。 Walaupun/ bentuk badannya/ kecil,/ suara yang kuat seperti guruh itu/ mampu menakluk/ langit malam.	
7.	A2-M24-B26	**Ramli** masih ***melayang*** jauh dengan seribu persoalan hidup sementara menantikan fajar hari esok.	T2-M17-B19	南利/ **全神贯注地**/ **想着**/ 他的命运，/ 以及千千万万个不同的难题，/ 以等待黎明的到来。 Ramli/ fokus / memikirkan/ nasibnya, /juga beribu-ribu masalah yang berbeza, / sementara menantikan fajar muncul.	Chengyu
8.	A2-M29-B20	**Ucapan** itu selalu ***bermain*** di kepalanya lebih-lebih lagi apabila cikgu darjahnya	T2-M20-B20	**这句话**/ 一整天/ **都在他脑海中**/ **浮现**。/ 尤其/ 是当老师骂她/没携带/ 需要的书时，/ 显得特别的响亮。	

		memarahinya kerana tidak punya buku pelajaran yang lengkap di sekolahnya.		Ayat ini/ seharian/ di lautan otaknya/ timbul. / terutama/ ketika cikgu memarahinya/ tidak bawa/ buku yang diperlukan, / kedengaran lebih nyaring.	
9.	A3-M34-B10	Kemudian dia terkenang akan bapa saudaranya yang ***bergelut*** dengan **kemiskinan hidup**.	T3-M23-B15	也许/ 他只是/ 情绪/ 有点波动，/ 但一想到/ 他的舅父/ **为了克服困难而挣扎**/ 的那一刹那，/ 心里一片困恼。 Mungkin juga/ dia hanya/ perasaan/ sedikit terusik,/ tetapi memikirkan/ bapa saudaranya/ demi mengatasi kesusahan lalu meronta-ronta/ saat itu,/ hatinya rasa gelisah.	
10.	A3-M49-B19	Ada **tenaga** baru yang ***mencuit*** hati dan kepalanya.	T3-M33-B12	他的内心/ 感觉到/ 有**一股新的力量**/ **在燃烧**。 Di dalam hatinya/ merasakan/ ada segumpal semangat baru/ yang sedang membakar.	
11.	A4-M67-B15	Tetapi **cerita-cerita** Kampung Telaga Laut masih ***terpaku*** kuat di kepala dan hati anak muda ini.	T4-M46-B11	但/ 它的故事/ 却**牢牢地印在**/ **他的心和脑**里。 Tetapi/ kisahnya/ cop dengan kukuh/ di hati dan mindanya.	
12.	A4-M67-B18	Yang selalu ***timbul*** di **matanya** ialah pandangan dan keadaan hidup orang kampung itu dengan orang Bukit Putri bersilih ganti.	T4-M46-B13	特拉格劳和公主山的生活/ 纵横交织/ 地**在他脑海里出现**。	

				Kehidupan di Telaga Laut dan Bukit Putri/ bersilang/ muncul di lautan mindanya.	
13.	A5-M78-B18	Bercakap dengan mereka semua tidak ada mendapat faedah apa-apa, malah lebih ***mengeruhkan*** lagi **harapan**nya untuk menolong Ramli.	T5-M54-B8	因为/ 他们/ 不论以何种方式都帮不上忙，/ 反而可能/ 使他**难偿所愿**。 Disebabkan / mereka/ tidak kira cara apa sekalipun tidak mampu menolong,/ malahan mungkin/ menyebabkan situasi dia lebih sukar.	Chengyu
14.	A5-M85-B5	Berfikir panjang bagaikan pujangga besar merenung jauh pada ***pentas*** **hidup** manusia yang serba konflik ini.	T5-M58-B11	它/ 犹如/ 一位预言家，/ 正在/ 全面/ 研究/ 人的命运/ 和**人生的剧本**。 Dia/ seperti/ seorang penilik nasib, / sedang/ menyeluruh/ mengkaji/ nasib manusia/ dan /skrip kehidupan manusia.	
15.	A6-M90-B18	**Darahnya mendidih** sedikit.	T6-M61-B23	他/ **怒气冲天**。 Dia / berasa marah	Chengyu
16.	A6-M90-B26	Farid juga **mengukir** sebuah **senyuman** yang paling mesra untuk wakil rakyat yang menjadi lintah darat ini.	T6-M61-B27	法里尔/ 尽其所能/ **挤出笑容**/ 回应/ 这位吸血政客。 Farid/ sedaya upaya/ memerah senyuman/ membalas/ ahli politik penghisap darah ini	
17.	A6-M91-B3	Tetapi **rasa tidak senang** itu terpaksa ***dibuang***kan jauh-jauh di kala menghulurkan sampul	T6-M62-B2	当/ 他/ 把信封呈上去时，/ 他**按住**/ **自己的情绪**，/ 因为/ 这是为了/ 他男父/ 和勤勉的阿叉。	

		surat tersebut apabila mengenangkan nasib bapa saudaranya.		Ketika/ dia/ menyerahkan sampul tersebut,/ dia menekan/ perasaan sendiri,/ disebabkan / ianya demi/ bapa saudaranya/ dan Asiah yang rajin.	
18.	A7-M99-B6	Apabila Farid datang menziarahi datuknya hari Ahad itu, ramai orang kampung datang menemui anak muda ini dengan ***membawa*** satu **harapan** di dada.	T7-M67-B4	接着的周日/ 法里尔/ 到村里/ 探望南利时，/ 他发觉/ 一大群/ 的村民/ 都**抱着一个愿望**，/ 就是/ 要像南利一样/ 找到一份工作。 Ahad yang berikutnya/ Farid/ pergi ke kampung/ melawat Ramli,/ Dia merasakan/ sekumpulan/ penduduk kampung/ mendukung satu harapan,/ iaitu/ mahu menjadi seperti Ramli/ memperoleh kerja.	
19.	A7-M106-B22	***Kocakan*** di **dada** terus kencang	T7-M70-B26	**心坎里/ 有股强烈的怒气。** Dalam hati/ ada segumpal/ angin kemarahan yang kuat	
20.	A7-M107-B6	***Bergelombang*** **dada** Farid dengan penghinaan ayahnya.	T7-M72-B8	父亲的嘲弄/ 进一步 让法里尔/ **火冒三丈。** Penghinaan ayahnya /membuatkan/ Farid /berasa sangat marah.	Chengyu
21.	A10-M143-B12	Tidak ingin bersua **suasana-suasana tegang** ***menguasai*** seluruh hidupnya dari dalam rumah hingga luar rumah.	T10-M96-B21	他不想/ 在家或在外头/ 都常常/ **被紧张的气氛围绕。** Dia tidak mahu/ di rumah atau di luar/ sering kali/ dikelilingi suasana yang tegang.	

22.	A11-M181-B5	**Malam** terus lalu ***menampung*** sejuta peristiwa manusia.	T11-M121-B13	长夜漫漫，/ **在它的黑幕下**，/ 万户家庭的生活/无所遁形，/ 有笑也有泪。 Malam yang panjang, / di bawah tabir hitamnya, / berjuta keluarga/ kehidupan/ tidak bersegi, / ada ketawa dan juga air mata.	
23.	A12-M186-B10	Orang ramai yang berada di anjung rumah terjengah-jengah dan masing-masing ***mengukir*** **senyum**.	T12-M125-B17	站在阳台上/ 的群众/ **笑容可掬**/ 地盯着他看。 Berdiri di anjung rumah/orang ramai/ senyum/ melihat dia.	Chengyu
24.	A13-M222-B10	Menyirap-nyirap **darah** panasnya ***turun*** ke muka.	T13-M147-B5	热腾腾的**血液**/ **涌入**/ **他的面孔**。 Darah yang panas mendidih/ menghambur/ ke wajahnya.	
25.	A14-M224-B4	Budin yang masih ***diserang*** **penyakit** iri hati yang mendalam itu memandang segala gerak laku orang Kampung Telaga Laut dengan satu azam.	T14-M149-B11	目睹/ 他们的行动，/ **布汀一股妒忌之心涌上心头**。 Memerhatikan/ pergerakan mereka, / Budin/ **perasaan cemburu/ menyerbu hatinya**.	
